TERKINI COVID-19 / KEMASKINI SETAKAT / 8 JANUARI 2021,12 pm KES BAHARU : 2,643 KES SEMBUH : 2,708 KES KEMATIAN : 16 KES KESELURUHAN : 131,108

NASKHAH PERCUMA EDISI KE - 31 11 -17 Januari 2021 27 Jamadilawal - 4 Jamadilakhir 1442H PP 19464/D4/2019/ (035072) Sejak 1982 www.melakahariini.my

MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA

Mhi MELAKA HARI INI ملاك هاري اين



MUFC diam-diam berisi 24



# Pelan induk M-WEZ dirangka

**KERAJAAN** Melaka telah memulakan langkah merangka Pelan Induk Pembangunan M-WEZ sebagai usaha menjadikan ia sebagai pelan yang merupakan dokumen rujukan utama mengandungi hala tuju bagi pembangunan zon ekonomi tersebut. Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, M-WEZ juga akan dibangunkan secara holistik, merangkumi aksesibiliti, pelabuhan, lapangan terbang, jaringan rel serta infrastruktur digital dan telekomunikasi. 2,3 & 4



## Warisan gasing perlu dijulang 22

Rumah Seram Melaka sasar 300,000 pengunjung 6

Al-Ikhlas Gajet sedia barangan mampu milik 19

Nyawa hampir hilang diremputh bot 10

# Pelan induk M-WEZ dirangka



Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan Melaka akan merangka Pelan Induk Pembangunan (*Master Development Plan*) M-WEZ.

Pelan tersebut merupakan dokumen rujukan utama yang mengandungi hala tuju bagi pembangunan zon ekonomi tersebut.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata M-WEZ akan dibangunkan sebagai persisiran pantai bersepadu, bernilai tinggi dan bernilai tambah.

Dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Penasihat M-WEZ di Kuala Lumpur pada 6 Januari lepas, beliau berkata M-WEZ juga akan dibangunkan secara holistik.

Ia akan merangkumi aksesibiliti, pelabuhan, lapangan terbang, jaringan rel serta infrastruktur digital dan telekomunikasi.

Sulaiman juga berkata Kerajaan Negeri telah mewujudkan Majlis Pembangunan M-WEZ yang berkuat kuasa pada 1 November 2020.

Ia berperanan merancang, mengawal dan menyelaras segala bentuk pembangunan yang diperlukan di kawasan tambakan laut yang terlibat.

"Pihak Berkuasa Negeri juga telah meluluskan penubuhan Majlis Pembangunan M-WEZ berkuat kuasa mulai 1 November 2020 sebagai sebuah badan khas yang akan merancang, mengawal dan menyelaras segala bentuk pembangunan yang diperlukan di kawasan tambakan laut yang terlibat," katanya dalam satu kenyataan di *Facebook* rasminya.

Mesyuarat itu telah disertai Ahli Tetap M-WEZ Advisory Council iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan; Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari; Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Datuk Dyg Sadiah Abg Bohan; Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia Datuk Baharin Abdul Hamid; Ketua Pegawai Eksekutif TRX City Sdn Bhd Datuk Azmar Talib; Datuk Ikmal Hijaz Hashim dan Ketua Pengarah PLANMalaysia Dr. Shamsaini Shamsuddin.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, kewujudan M-WEZ, koridor ekonomi khas yang baharu berupa pelaburan berimpak tinggi bakal menjadi *'game changer'* serta pemangkin atau teras pertumbuhan ekonomi kepada pembangunan mampan di negeri Melaka.



SULAIMAN

Pembangunan M-WEZ jelasnya, bakal melibatkan kawasan berkeluasan 7,082 hektar di sepanjang 22 kilometer persisiran pantai Melaka, dari Umbai ke Tanjung Bruas dan dijangka mampu menjana pelaburan RM100 bilion yang bakal dilaksanakan melalui inisiatif swasta dan awam.

"Disebabkan pelbagai cabaran yang berlaku pada tahun lepas sehingga hari ini yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi kita agak merosot, maka, M-WEZ dibangunkan sebagai sebuah koridor ekonomi baharu selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan kawasan ini sebagai *'economy enabler'* kepada pertumbuhan Keluaran dalam negara kasar (KDNK) Melaka," ujarnya.

Untuk rekod, M-WEZ *Advisory Council* telah ditubuhkan pada 26 Ogos 2020 yang bertindak sebagai majlis penasihat kepada perancangan pembangunan M-WEZ.



**SULAIMAN (tengah) selaku Pengerusi M-WEZ Advisory Council bergambar bersama barisan Ahli Tetap M-WEZ Advisory Council yang hadir dalam mesyuarat pertama Majlis Penasihat M-WEZ di Kuala Lumpur pada 6 Januari lepas.**

# HSR KL - JB belum diputuskan - Mustapa

**KERAJAAN** akan melaksanakan kajian terperinci mengenai hala tuju terbaharu negara selepas pembatalan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, minggu lalu.



MUSTAPA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, meskipun timbul spekulasi mengaitkan projek tersebut akan diteruskan membabitkan jajaran Kuala Lumpur-Johor Bahru (KL-JB), tanpa melibatkan Singapura, namun perkara itu belum dimuktamadkan.

"Kerajaan akan melaksanakan kajian terperinci bagi menentukan hala tuju seterusnya. Pada masa ini, apa-apa spekulasi mengenai projek keretapi laju KL-JB hanyalah spekulasi," katanya dalam satu kenyataan di *Facebook*.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, pembatalan projek HSR adalah jalan terbaik buat negara selepas terkesan teruk dek penangan COVID-19 yang melanda dunia.

Jelasnya, situasi pandemik itu telah memberikan cabaran amat besar kepada aspek kesihatan dan ekonomi yang belum pernah dihadapi negara, sekali gus telah memaksa projek itu dinilai semula.

"Projek ini telah ditangguhkan pada Mei 2018 selepas Pilihan Raya Umum ke 14 berikutan kajian semula terhadap beberapa komitmen pelaburan utama Kerajaan. Kerajaan ketika itu telah mengkaji semula pelaksanaan kesemua projek mega seperti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), *Malaysia Vision Valley* dan MRT3.

"Kemunculan COVID-19 telah memaksa Kerajaan mencari jalan untuk mengurangkan kos beberapa projek mega serta mengenal pasti strategi bagi memulihkan ekonomi negara pasca COVID-19.

"Perkembangan ini menyebabkan syarat asal Perjanjian Dua Hala yang dimeterai pada tahun 2016, tidak lagi berdaya maju bagi Malaysia. Kita terpaksa meneliti semula keseluruhan struktur projek dan model perniagaan yang termaktub dalam perjanjian tersebut," ujarnya.

Katanya lagi, berikutan itu, kerajaan telah membuat kajian termasuklah membabitkan struktur projek, model perniagaan, reka bentuk dan sistem terbaharu yang boleh diguna pakai selepas pihak Singapura bersetuju memberi penangguhan terakhir projek berkenaan pada Mei tahun lalu.

Namun, setelah melalui beberapa perbincangan, kata sepakat masih gagal dimeterai di antara kedua-dua negara.

"Hasil daripada kajian semula yang dijalankan, kita telah mencadangkan struktur baharu yang pada pandangan Malaysia bukan sahaja lebih kemas, malah model HSR yang dicadangkan itu digunakan secara meluas di seluruh dunia, antaranya di Eropah, United Kingdom, Jepun dan Korea Selatan.

"Cadangan struktur projek baharu itu juga mengelakkan kerajaan daripada memberikan jaminan berjumlah RM60 bilion selama 30 tahun. Di samping itu, ia juga memberikan kita lebih banyak fleksibiliti dalam membiayai projek ini.

"Selain daripada itu, kita juga telah mencadangkan beberapa perubahan lain. Ini termasuklah perubahan kepada jajaran dan reka bentuk stesen yang kesemuanya akan mengurangkan perbelanjaan kira-kira 30%.

"Beberapa perbincangan yang intensif pada peringkat teknikal dan peringkat menteri telah diadakan sepanjang enam bulan yang lalu. Perdana Menteri kita dan Perdana Menteri Singapura juga telah mengadakan sidang video pada 2 Disember 2020 lalu. Malangnya, kita gagal mencapai kata sepakat," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, menyebut soal pampasan yang perlu dibayar, Mustapa berkata, pihaknya tidak boleh mendedahkan mengenai perkara berkenaan memandangkan ia termaktub di bawah Perjanjian Dua Hala.

Bagaimanapun, tegasnya, pampasan yang perlu dibayar itu bukanlah bersifat punitif, sebaliknya ia adalah untuk membayar semula kos tertentu projek yang sudah dibelanjakan Singapura.

# HSR penting demi limpahan ekonomi rakyat Melaka

**KERAJAAN** diharap dapat terus mempertimbangkan projek HSR meskipun perancangan asal membabitkan dua buah negara iaitu Malaysia dan Singapura sudah terputus di tengah jalan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Datuk Roslan Ahmad berkata, kewujudan projek itu amat penting memandangkan ia diyakini dapat memberi limpahan ekonomi yang besar kepada negeri yang terlibat, khususnya kepada rakyat.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan sudi mempertimbangkan projek HSR 3.0 dalam pakej terbaharu tanpa penglibatan Singapura sekali pun, ia akan tetap disambut baik kerajaan negeri.

"Kita percaya jika ada perancangan terbaharu kerajaan persekutuan untuk meneruskan HSR dari Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru di masa akan datang, ia masih mampu memberi impak yang besar.

"Ini kerana kita melihat projek ini berupaya memberi limpahan ekonomi yang besar, khususnya kepada Melaka dan negeri-negeri atau jajaran yang terlibat.

"Mungkin selepas ini orang-orang di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur dapat menikmati kewujudan HSR dari sudut perhubungan yang mana perjalanan akan jadi lebih mudah, cepat dan segala urusan boleh diselesaikan dalam tempoh satu hari sahaja," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Roslan berkata, sebelum pembatalan projek HSR di antara Malaysia dan Singapura, kerajaan negeri sudah mempunyai perancangan tersendiri untuk mengembangkan stesen yang bakal dibangunkan itu ke jajaran-jajaran lain di seluruh Melaka dalam usaha memperkasakan ekonomi negeri.

Namun, perancangan tersebut tidak akan memberi makna apa-apa sekiranya projek berkenaan ditamatkan begitu sahaja tanpa sebarang pelan B atau perancangan susulan.

"Sebab itulah saya sebagai exco berharap kerajaan persekutuan dapat mempertimbangkan semula HSR ini di masa akan datang. Mungkin HSR itu masih boleh dilaksanakan dalam bentuk atau pakej yang baharu.

"Cuma kita harap jajaran sedia ada yang melibatkan Melaka akan terus dikekalkan," katanya.

> "Kita percaya jika ada perancangan terbaharu kerajaan persekutuan untuk meneruskan HSR dari Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru di masa akan datang, ia masih mampu memberi impak yang besar. Ini kerana kita melihat projek ini berupaya memberi limpahan ekonomi yang besar, khususnya kepada Melaka dan negeri-negeri atau jajaran yang terlibat."

# HSR: Melaka masih berharap

**MELAKA** masih berharap untuk memiliki sekurang-kurangnya satu stesen kereta api di negeri ini dalam usaha merancakkan ekonomi negeri di masa akan datang.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, walaupun projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura telah ditamatkan baru-baru ini, namun beliau masih menaruh keyakinan akan ada satu perancangan baharu yang lebih baik direncanakan kerajaan.

Jelasnya, ia termasuklah ura-ura untuk meneruskan projek itu tanpa penglibatan Singapura, yakni hanya melibatkan jajaran dari Kuala Lumpur hingga ke Johor Bahru.

"Apapun jajaran yang akan dirancang, satu stesen mesti ada di Melaka.

"Hal ini penting kerana saya percaya ia dapat menyokong koridor ekonomi baharu yang sedang kita rangka, M-WEZ," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Sulaiman mengakui pembatalan HSR itu sedikit sebanyak sudah merencatkan pelbagai pembangunan yang sedang dirangka di negeri ini.

Namun, beliau enggan mengambil pendekatan menoleh belakang, sebaliknya akan tetap meneruskan segala perancangan yang akan memberi impak positif bukan sahaja kepada negeri, bahkan rakyat Melaka.

"Kita di Melaka mempunyai perancangan kita sendiri. Jika ia dihentikan, sedikit sebanyak memang merencatkan sedikit perancangan pembangunan yang kita mahu laksanakan.

"Tapi apa pun, kita akan teruskan juga dengan beberapa pembangunan yang sudah dirancang untuk memberi limpahan ekonomi buat negeri," ujarnya.

Terdahulu, pada Jumaat, Malaysia dan Singapura memutuskan HSR dibatalkan selepas tempoh penangguhan projek itu berakhir pada 31 Disember 2020.

Pembatalan itu menyaksikan Melaka antara negeri yang terkena tempiasnya memandangkan negeri ini bakal mempunyai sebuah stesen dilalui HSR dalam perjalanan yang diunjurkan sejauh kira-kira 350 kilometer menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura.




**KAWASAN Bandar Hijau Hang Tuah Jaya merupakan lokasi cadangan bagi pembangunan stesen HSR sebelum ini.** Foto MR. Azli

# M-WEZ zon ekonomi dinantikan rakyat

Faiz Hasan

**USAHA** Kerajaan Melaka untuk mewujudkan koridor ekonomi baharu dan pelaburan berimpak tinggi iaitu M-WEZ dilihat bakal memberi impak positif buat rakyat negeri ini amnya dalam memastikan taraf ekonomi negeri ini akan terus maju dan makmur untuk jangka masa panjang.

Hasil tinjauan orang ramai, rata-rata mereka menerima baik usaha kerajaan negeri itu dan mengharapkan koridor ekonomi baharu tersebut dapat memberikan manfaat kepada rakyat dan negeri ini khususnya.

Bagi Nor Farhana Syakila Sahak, 26, dia berharap menerusi koridor baharu itu akan membawa pelbagai peluang baharu buat rakyat negeri ini dari segi peluang pekerjaan dan perniagaan.

Berasal dari Masjid Tanah, Farhana berharap pelbagai peluang pekerjaan dari pelbagai peringkat kelulusan akan ditawarkan sekali gus mampu mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini.

"Dengan pelbagai peluang pekerjaan, ia akan memberi satu manfaat baharu buat anak muda di kawasan luar bandar ini, malah dapat menampung permintaan terhadap sesuatu perkhidmatan pekerjaan.

"Dengan M-WEZ ini juga mampu memberi manfaat kepada para peniaga kecil bagi meraih rezeki yang mendatang dengan menawarkan peluang perniagaan khususnya buat usahawan dalam daerah ini," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Dhanesh Basil berpendapat, M-WEZ mampu membuka satu lembaran ekonomi baharu di Melaka dengan mempertingkatkan kadar import dan eksport yang menjadi aktiviti utama dalam pelabuhan terbabit.

Ujarnya, melalui sektor terbabit ia turut akan membangunkan seluruh sektor ekonomi dalam daerah terbabit sekali gus mampu merancakkan sektor pelancongan yang memberi manfaat kepada rakyat dalam kawasan itu.



**NOR FARHANA**

"Dengan pelbagai peluang pekerjaan, ia akan memberi satu manfaat baharu buat anak muda di kawasan luar bandar ini".



**DHANESH**

"M-WEZ mampu membuka satu lembaran ekonomi baharu di Melaka dengan mempertingkatkan kadar import dan eksport yang menjadi aktiviti utama dalam pelabuhan terbabit."



**MELVIN**

Perkara ini seiring dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang memberi manfaat dalam pelbagai sektor terutama perindustrian di Melaka".

"Dengan adanya M-WEZ ini, ia akan mengembalikan kegemilangan Melaka yang dikenali sebagai negeri pelabuhan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka dan ini perkara yang perlu dibanggakan.

"Malah, Melaka suatu hari nanti akan menjadi sebuah destinasi tersohor dunia sebagai pusat pelabuhan yang membabitkan pelbagai sektor seperti perkapalan, minyak dan gas serta pelbagai lagi yang mana akan memberi manfaat kepada masyarakat di Melaka," jelasnya

Melvin Chua Kei Wei, 40, pula berharap pembinaan pelabuhan dan pelbagai fasiliti menerusi pembangunan M-WEZ itu mampu meningkatkan jaringan persahabatan dua hala antara pelbagai negara di dunia ini.

Ujarnya, melalui pendekatan terbabit perkongsian teknologi dan kemudahan terkini akan berjaya dikembangkan menerusi jaringan dua hala antara negara terlibat.

"Perkara ini seiring dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang memberi manfaat dalam pelbagai sektor terutama perindustrian di Melaka,"katanya.

# Pembangunan M-WEZ bagus tapi jangan pinggirkan rakyat

**KORIDOR** ekonomi baharu, M-WEZ yang akan dibangunkan kerajaan negeri perlu menyeimbangkan pembangunan itu dengan keperluan rakyat dan bukan diwujudkan sekadar kepentingan pihak tertentu sahaja.

Bagi nelayan Kampung Portugis, Stanley Fredericks, 43, kehidupannya agak terkesan sejak projek penambakan pasir di Pulau Melaka dimulakan beberapa tahun dahulu.

Katanya, dia bagaimanapun sama sekali tidak menolak sebarang pembangunan namun perlu dilakukan bersungguh sehingga mendatangkan hasil dalam tempoh yang ditetapkan dan bukan mengambil masa yang lama sehingga merugikan golongan nelayan sepertinya.

"Projek mega M-WEZ memang bagus untuk pembangunan jangka panjang tetapi projek penambakan pasir untuk wujudkan koridor baharu itu sedikit sebanyak memberi impak kepada kami golongan nelayan.

"Bila projek tergendala, kawasan perairan terbiar begitu sahaja sehingga memberi kesan kepada nelayan sehingga mengalami kerugian pada peralatan menjala dan menjaring kerana tersangkut pada sisa pembangunan dasar laut," katanya ketika dihubungi di sini.

Mengulas lanjut, dia berkata sebagai rakyat dia merasakan pembangunan projek berskala besar itu perlu memberi kesan jangka panjang yang positif kepada rakyat.

"Jangan pinggirkan kebajikan kami golongan marhaen ini dan ambil peduli tentang kesusahan kami juga," katanya.

Namun berbeza pandangan bagi anak muda, Fatin Nurafiza Afendi, 24 berkata pembangunan M-WEZ diharapkan dapat memberi impak negeri ini untuk terus berdaya saing sebagaimana negeri maju yang lain.

"Nampak sahaja negeri kita kecil namun dengan adanya projek mega itu tentu akan memberi kesan jangka panjang yang membangun kepada ekonomi rakyat.

"Sebagai anak muda saya harap projek itu dapat memberi tempias kepada golongan anak muda khususnya untuk mendapatkan pekerjaan, yang mana sekarang ini agak sukar berikutan pandemik COVID-19," katanya.

Bagi peniaga, Roslan Md Syed, 54 berkata apa sahaja projek berskala besar perlu mementingkan ketelusan supaya tidak memberi kesan kepada rakyat pada masa akan datang.

"Kita sebagai rakyat sentiasa memberi sokongan penuh kepada pembangunan negeri tetapi kalau boleh impak (pembangunan) jangan terlalu memberi kelebihan kepada golongan atasan sebaliknya mementingkan juga keperluan rakyat," katanya.

## FAKTA M-WEZ

**Cadangan Pelan Nukleus dan Komponen Pembangunan**







### TUJUAN

- **Merupakan satu cadangan untuk membangunkan kawasan tambakan laut sedia ada seluas 7,081.9 hektar di sepanjang 22 km persisiran pantai Negeri Melaka.**
- **Kawasan ini akan dijadikan satu zon pembangunan ekonomi khas yang bertujuan untuk dijadikan sebagai 'economy enabler' baharu di Melaka.**
- **Kerajaan Negeri turut menetapkan Visi M-WEZ sebagai kawasan berasaskan pelancongan untuk memacu pembangunan yang mampan, berdaya maju dan menggalakkan Industri IR 4.0 dalam persekitaran teknologi hijau dan pintar untuk tarikan tempatan dan antarabangsa.**
- **Melonjakkan ekonomi Melaka lebih rancak setanding dengan Koridor Wilayah Ekonomi atau Zon Ekonomi yang sedia ada.**

### LIMA SASARAN UNTUK DICAPAI

**M-WEZ AUTHORITY**

**Ke arah pengwujudan badan khas pentadbir kawasan M-WEZ menerusi penggubalan enakmen dan perundangan yang berkaitan.**

**BLUEPRINT M-WEZ**

**Mewartakan Pelan Induk Pembangunan M-WEZ (Blueprint M-WEZ) yang akan dijadikan rujukan untuk penyelarasan pemajuan kawasan yang terlibat.**

**MARKETING & BRANDING**

**Memperkukuhkan penjenamaan M-WEZ di kalangan pihak yang berkepentingan untuk memastikan penerimaan dan sokongan daripada setiap lapisan masyarakat.**

**INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI**

**Memberi penekanan dalam penyediaan infrastruktur telekomunikasi di dalam kawasan M-WEZ sebagai kawasan utama pembangunan digital di negeri Melaka. Ini termasuklah pembangunan menara telekomunikasi, mewujudkan pangkalan data, '*Smart City*' dan Taman Alam Maya M-WEZ, meningkatkan penggunaan '*fiber optic*' dalam kawasan M-WEZ serta menjadikan M-WEZ sebagai '*International Gateway*'.**

**HAB MARITIM**

**Mempelbagaikan aktiviti maritim menerusi perkhidmatan sokongan di sepanjang 70 km perairan Melaka.**

# Azam tahun baharu pemimpin



**Speaker DUN Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh**
"MARILAH kita semua tanpa mengira latar belakang untuk bersama mendoakan agar negara kita Malaysia sentiasa dirah-mati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta dikurniakan kemakmuran dan perpaduan yang berkekalan."



**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan**
"HARAPAN saya selaku Exco kerajaan negeri, saya mahu pastikan Melaka menjadi negeri bersih, indah, cantik, selamat dan boleh menggamit seberapa pelancong datang ke Melaka supaya negeri ini menjadi destinasi pelancongan terunggul di negara kita."



**Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Luar Bandar dan Pengurusan Banjir, Datuk Seri Utama Idris Haron**
"SELAKU Exco berkaitan, saya memfokuskan untuk merealisasikan 2021 dengan mengorak langkah mempergiatkan pengendalian dengan menggerakkan frekuensi selenggaraan sistem perparitan dan saliran negeri Melaka serta mahu menggiatkan usaha peningkatan taraf daerah Masjid Tanah."



**Pengerusi Jawatankuasa NGO, Pembangunan Belia dan Sukan, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen**
"DIHARAPKAN tahun 2021 bakal memberi 1,001 kejayaan kepada kita semua. Moga negara & negeri kita akan bebas pandemik COVID-19 dan lebih gemilang pada tahun 2021 ini."



**Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan, Datuk Muhammad Jailani Khamis**
"PADA tahun 2021 ini, saya serta jentera kerajaan negeri beriltizam tinggi bagi merancakkan lagi sektor pelancongan Melaka.

Kerajaan negeri menyasarkan kedatangan 6.2 juta pelancong pada tahun ini dengan harapan semua pihak perlu berganding bahu bagi merealisasikannya."



**Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Wanita, Datuk Wira Latipah Omar**
"SEMPENA resolusi serta azam tahun 2021 ini, di bawah portfolio saya akan memastikan taraf kebajikan dan kesihatan rakyat negeri ini akan terus dijaga serta terbela."



**Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Datuk Roslan Ahmad**
"SEBAGAI Exco yang dipertanggungjawabkan, saya berazam untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan yang mempunyai sistem jalan raya yang baik dan bersih. "



**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee**
"TAHUN 2021, sudah pasti saya akan terus memberi perhatian serius dalam usaha membangunkan sektor pertanian, industri ternakan dan perikanan. Adalah sangat wajar sektor ini diberi ruang yang lebih besar untuk berkembang kerana ia mampu menjanjikan pulangan ekonomi yang tinggi jika dilaksanakan dengan kaedah yang tepat."



**Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah, Datuk Rahmad Mariman**
"DENGAN pandemik COVID-19 yang masih tidak nampak penghujungnya, Gaya hidup norma baru mesti dibudayakan. Kita semua mesti mengambil tanggungjawab dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan segala arahan serta saranan pihak berwajib."



**Pengerusi Jawatankuasa di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal & Vokasional Sains dan Inovasi), Datuk Noor Effandi Ahmad**
"BAGI tahun 2021 ini cabaran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka amat besar jadi kita bersedia dengan menyediakan kelengkapan dan kemahiran yang sempurna kerana sesi pembelajaran dilakukan dalam keadaan norma baharu."



**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Wira Ar. Ismail Othman**
"BAGI memastikan peluang pekerjaan dapat dicapai, mulai tahun ini pendidikan dengan kelulusan profesional dan setaraf akan dimartabatkan bagi memastikan golongan berpendidikan rendah menerima pekerjaan sewajarnya."



**Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Datuk Zainal Abu**
"MAJLIS Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merancang strategi yang kreatif dan inovatif bagi mencapai visi dan misi menjadikan Bandaraya Melaka Bersejarah sebagai bandaraya lestari, pintar dan berdaya huni."



**Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan**
"MAJLIS Perbandaran Alor Gajah (MPAG) menyasarkan peningkatan hasil bagi menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pada masyarakat khususnya di Alor Gajah tahun 2021. Ia termasuk mempromosi, menggalakkan pelancongan sedia ada serta menyediakan produk pelancongan baharu..



**Yang Dipertua Perbandaran Hang Tuah Jaya**
MAJLIS Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memberi fokus utama mengindahkan kawasan pentadbirannya tahun 2021. Usaha itu meliputi keceriaan kawasan untuk menarik kehadiran pelancong ke Melaka.



**Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin, Datin Sapiah Haron**
MAJLIS Perbandaran Jasin (MPJ) akan terus mempertingkatkan perkhidmatannya kepada pelanggan bermula tahun 2021 ini. Usaha itu bagi mengurangkan aduan pelanggan terhadap perkhidmatan MPHTJ. Keduanya dari segi pembangunan saya menggalakkan pelabur terutama dalam negara untuk membuat kemajuan di kawasan Jasin.

# Rumah Seram Melaka sasar 300,000 pengunjung



SULAIMAN diberi penerangan mengenai konsep Rumah Seram Melaka oleh pihak RBA Risk Advisors Sdn Bhd. selepas majlis menandatangani kontrak pembangunan Rumah Seram Melaka di antara Menara Taming Sari Berhad dengan RBA Risk Advisors Sdn Bhd, di Seri Negeri, baru-baru ini.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SERI NEGERI** - Rumah Seram Melaka yang akan menjadi tarikan terbaharu Melaka bermula Mei tahun ini dijangka mampu menarik kehadiran 300,000 pengunjung.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata, projek yang dijangka siap sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri itu bakal menyajikan pengunjung dengan pelbagai genre seram dan misteri bertitik tolak daripada cerita-cerita seram masyarakat serta peristiwa hitam yang pernah berlaku di Melaka.

Selain itu, jelasnya, selain menampilkan elemen seram, ia juga bakal membawa pengunjung menimba ilmu pengetahuan melalui pengisian cerita-cerita sejarah seperti Lagenda Hang Tuah Lima Bersaudara dan juga Hikayat Puteri Hang Li Po dalam bentuk yang lebih interaktif.

"Kenapa kita tampilkan elemen seram? Sebabnya, kita tiada lagi elemen seram itu di negeri ini. Jadi, kita mahu menampilkan kepelbagaian dalam tarikan pelancongan di negeri ini.

"Jadi, kita percaya dengan tarikan pelancongan baharu ini kita dijangka boleh menarik kehadiran 300,000 pengunjung untuk hadir dan merasai pengalaman mereka di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyaksikan majlis menandatangani kontrak pembangunan Rumah Seram Melaka di antara Menara Taming Sari Berhad dengan RBA Risk Advisors Sdn Bhd, di Bilik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Seri Negeri, di sini baru-baru ini.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr Hasim Hasan; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis; Pengarah MOTAC Melaka Yeow Chin Chai dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Sa'ari Basiron.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, bagi merancakkan promosi Rumah Seram Melaka, pelbagai bentuk hebahan akan diadakan termasuklah seperti konsert mini, roadshow, wall projection dan maskot akan digerakkan.

Untuk rekod, Rumah Seram Melaka merupakan satu nilai pelaburan berjumlah RM21 juta yang akan dibangunkan pihak swasta bersama anak syarikat kerajaan negeri di kawasan perkarangan Menara Taming Sari dan dijangka dibuka pada Mei tahun ini.

## WAKTU SOLAT

*Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.*

11 Januari 2021 - 17 Januari 2021 ( 27 Jamadilawal 1442H - 4 Jamadilakhir 1442H)

| | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 JANUARI 2021 | 6.07 am | 7.20 am | 1.22 pm | 4.45 pm | 7.20 pm | 8.34 pm |
| 12 JANUARI 2021 | 6.07 am | 7.20 am | 1.22 pm | 4.45 pm | 7.21 pm | 8.35 pm |
| 13 JANUARI 2021 | 6.08 am | 7.20 am | 1.22 pm | 4.45 pm | 7.21 pm | 8.35 pm |
| 14 JANUARI 2021 | 6.08 am | 7.21 am | 1.23 pm | 4.46 pm | 7.21 pm | 8.35 pm |
| 15 JANUARI 2021 | 6.08 am | 7.21 am | 1.23 pm | 4.46 pm | 7.22 pm | 8.35 pm |
| 16 JANUARI 2021 | 6.09 am | 7.21 am | 1.23 pm | 4.46 pm | 7.22 pm | 8.36 pm |
| 17 JANUARI 2021 | 6.09 am | 7.21 am | 1.24 pm | 4.46 pm | 7.23 pm | 8.36 pm |

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini

# JPJ cari jalan perbaiki sistem ujian memandu

Foto MR. Azli

**AYER MOLEK** - Segala kelemahan membabitkan sistem ujian memandu sejak akhir-akhir ini akan diambil perhatian serius oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Ia susulan rungutan orang ramai yang mendakwa terpaksa menunggu lama sehingga memakan masa tiga ke empat bulan untuk mendapatkan lesen memandu.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung isu berkenaan, namun menjelaskan kelewatan tersebut adalah disebabkan terpaksa mengikut prosedur operasi standard (SOP) khusus yang ditetapkan dalam musim pandemik COVID-19.

Ujarnya, bagi mencegah penularan COVID-19 di pusat latihan dan ujian memandu, pihak JPJ terpaksa menetapkan kuota tertentu, yang mana ia menjadikan ujian untuk mendapatkan lesen memandu itu tidak berjalan lebih pantas seperti kebiasaan.

"Bila ada kuota, ia menjadikan masa itu lebih lambat. Jika dahulu mungkin dalam sebulan atau dua bulan sudah boleh selesai, tetapi kini kita terpaksa mengikut SOP dalam norma baharu.

"Jangan katakan orang ramai, bahkan istitut memandu juga merungut berhubung perkara ini. Namun, itulah hakikat yang perlu kita telan.

"Apa pun, kita akan meneliti lagi ruang tertentu yang boleh diperbaiki tanpa melanggar SOP. Kita akan lihat cara yang terbaik untuk memberi keselesaan kepada semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Pecah Tanah Pembangunan Litar Latihan dan Ujian Memandu Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia Tiang Dua, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Datuk Roslan Ahmad; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia Datuk Isham Ishak; Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia Datuk Zailani Hashim.

Dalam pada itu, mengulas mengenai sistem ujian memandu secara automasi atau 'e-Testing' yang dicadangkan sebelum ini, Ka Siong berkata perkara itu masih dalam peringkat perbincangan dan untuk tindakan kementerian di bawahnya dalam masa terdekat.



KA Siong menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembangunan Litar Latihan dan Ujian Memandu Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia Tiang Dua di Ayer Molek baru-baru ini.

COVID-19

# Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah baharu diwujudkan

Liana Sahabudin

SERI NEGERI - Kerajaan negeri sedia mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) di sekolah rendah bagi pesakit positif COVID-19 jika berlaku peningkatan kes di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, pengwujudan PKRC itu bagi mengurangkan penghantaran pesakit COVID-19 ke Hospital Melaka.

"Kita (kerajaan negeri) sedia maklum pesakit COVID-19 di Hospital Melaka sudah sesak, namun bila wujudkan PKRC kita ada sedikit halangan dari segi staff atau petugas kesihatan yang akan berada 24 jam di PKRC ini.

"Sekiranya kes mendadak, kita telah mengenalpasti beberapa tempat untuk dijadikan PKRC selain di Pusat Koreksional Jasin, Pusat Koreksional Tanjung Kling, Penjara Sungai Udang, Depot Tahanan Machap Umboo," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Katanya, kerajaan negeri juga telah mengarahkan pihak penjara Melaka supaya menangguhkan kemasukan banduan dari negeri-negeri lain ke penjara di negeri ini.

"Kita minta supaya pengarah penjara Melaka mohon kepada penjara pusat menangguhkan kemasukan banduan dari negeri-negeri lain.

"Tetapi banduan-banduan daripada mahkamah Negeri Melaka kita tidak boleh halang, ia akan ditempatkan di sini juga," katanya lagi.

> "Kita (kerajaan negeri) sedia maklum pesakit COVID-19 di Hospital Melaka sudah sesak, namun bila wujudkan PKRC kita ada sedikit halangan dari segi staff atau petugas kesihatan yang akan berada 24 jam di PKRC ini."


RAHMAD

# Pengamal media Melaka terima pas parkir percuma


ANTARA wakil media yang hadir bergambar bersama selepas penyampaian berkenaan.

FAIZ HASAN

BEMBAN - Kira-kira 80 pelekat pas parkir kenderaan khas diedarkan kepada seluruh pengamal media di Melaka sebagai peng-iktirafan kerajaan negeri kepada mereka dalam menjalankan tugasan harian.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, kerajaan negeri berbesar hati menggagihkan pas pelekat kenderaan tersebut sebagai menghargaai peranan pengamal media di negeri ini yang bertindak sebagai medium perantara dalam menyampaikan maklumat dan dasar kerajaan kepada rakyat.

Katanya, pelekat pas parkir kenderaan khas terbabit mampu memberi kemudahan kepada pengamal media bagi mendapatkan parkir awam secara percuma sepanjang masa di setiap kawasan ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

"Kita harap penyerahan ini mampu memudahkan pengamal media menjalankan tugasan harian di setiap pelusuk negeri ini dan berharap mampu meletakkan kenderaan dengan betul di tempat letak kenderaan yang disediakan.

"Pas parkir kenderaan ini boleh diguna pakai di mana-mana kawasan di Melaka membabitkan empat PBT terlibat di Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Pelekat Kenderaan Media di Vista Alamanda di sini baru-baru ini.

Terdahulu, program yang diadakan itu telah menyerahkan kira-kira 80 pelekat terbabit kepada wakil pengamal media Melaka membabitkan Kelab Pengamal Media Melaka (PENDIKA), Persatuan Wartawan Melaka (MJA), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Radio Televisyen Melaka (RTM) dan The Star Group.

# Melaka kembali jadi tumpuan pelancong

AYER KEROH - Kehadiran pelancong domestik ke Melaka baru-baru ini menjadikan kesemua pusat penginapan di negeri ini sesak.

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Madelina Kuah Way Lee berkata, tidak terkecuali produk-produk pelancongan turut dipenuhi pengunjung dari pelbagai bangsa.

"Ramai yang datang Melaka bermula Jumaat, Sabtu dan Ahad lalu, kita pun tak tahu anggaran berapa ramai sebab terlalu padat.

"Majoritinya hotel dan homestay 'fully booked' termasuklah di Jonker Street dan Uptown dipenuhi pelancong hingga jalan sesak," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Melaka Goh Hock Gin berkata, lebih 80 peratus pelancong direkodkan menginap di hotel bajet baru-baru ini.

"Pelancong menginap memang ramai terutama pada hari Jumaat dan Sabtu di hotel bajet, hotel besar empat dan lima bintang pun penuh kerana harga mereka berpatutan.

"Hotel bajet di sekitar Melaka Raya dan Kota Laksamana paling mendapat sambutan kerana lokasinya di kawasan bandar," katanya.

Hock Gin berkata, tempahan hotel juga bergantung kepada lokasinya.

"Pelancong domestik dari Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya dan Johor Bahru paling ramai disebabkan musim cuti sekolah dan cuti umum.

"Jika diikutkan pada hari biasa hanya 15 hingga 20 peratus sahaja pelancong yang akan menginap di hotel," katanya lagi.


HOCK Gin


MADALINE

# Sikap suka buang sampah ‘cacat’ pemandangan Melaka

Liana Sahabudin

> “Kerja-kerja pembersihan bermula dari Kawasan Jambatan Panglima Awang sehingga di pintu kawalan air ‘Barrage’ di Banda Hilir dan ia dilaksanakan sebanyak empat kali pada setiap hari.”

BANDARAYA MELAKA - Sikap individu suka membuang sampah di persisiran Sungai Melaka antara penyumbang kepada lambakan sampah sekali gus mencacatkan pemandangan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Datuk Murad Husin berkata, bagi mengekang masalah itu Unit Pembersihan Melaka River Cruise (MRC) sentiasa melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan terlibat.

“Tiadanya kesedaran sivik daripada mereka ini menjadi punca longgokan sampah sarap walaupun kerja-kerja pembersihan dilaksanakan setiap hari oleh Unit Pembersihan MRC di Sungai Melaka.

“Agenda meningkatkan tahap kebersihan di sepanjang Sungai Melaka menjadi tugas wajib Unit Pembersihan MRC pada setiap hari termasuk hujung minggu,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Jelasnya, pasukan pembersihan MRC dibahagikan tugas kepada dua ‘shift’ dan melaksanakannya seawal jam tujuh pagi hingga empat petang, manakala shift kedua bermula dari jam 4 petang hingga 12 malam.

“Kerja-kerja pembersihan bermula dari kawasan Jambatan Panglima Awang sehingga di pintu kawalan air ‘Barrage’ di Banda Hilir dan ia dilaksanakan sebanyak empat kali pada setiap hari.

“PPSPM sentiasa menjadikan agenda meningkatkan tahap kebersihan dan keceriaan kawasan sekitar sebagai satu keutamaan,” katanya.



MURAD

Dalam pada itu, Murad meminta pengunjung yang menggunakan laluan siar kaki sepanjang persisiran Sungai Melaka juga perlu prihatin dengan tahap kebersihan dan tidak membuang sampah sesuka hati ke dalam sungai.



UNIT Pembersihan MRC melakukan kerja-kerja pembersihan di pesisiran Sungai Melaka.

## JENAYAH

# COVID-19: 343 pasangan bertelagah, 19 bercerai

AYER KEROH – Tidak sekadar menjejaskan kesihatan dan ekonomi rakyat, kesan pandemik COVID-19 turut dipercayai menjadi punca pergolakan dan keganasan rumah tangga pasangan di negeri ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, ia dapat dilihat apabila seramai 343 pasangan suami isteri di negeri ini mengalami permasalahan dalam menguruskan rumah tangga tahun ini, termasuk 19 pasangan bercerai.

Menurutnya, angka keganasan direkodkan tahun lalu itu juga meningkat hampir empat kali ganda berbanding 90 kes keganasan domestik pada 2019.

“Peningkatan kes direkodkan sejak Januari tahun lalu sebelum meningkat secara mendadak pada Mei serta Jun iaitu pertambahan masing-masing sebanyak 57 dan 60 kes berbanding jumlah tertinggi direkodkan adalah 19 kes pada November 2019.

“Namun pada tahun lalu, kes keganasan domestik dilihat naik mendadak dengan sebanyak 64 kes direkodkan pada Mei dan 63 kes pada Jun ketika negara sedang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) akibat COVID-19.

“Keganasan rumah tangga ini secara tidak langsung juga boleh dikatakan berlaku disebabkan tekanan yang dihadapi oleh pasangan suami isteri melibatkan urusan kewangan keluarga pada waktu pandemik ini,” katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, daripada kesemua 343 tersebut, sebanyak 171 kes telah pun dituduh di mahkamah melibatkan Seksyen 323/324/326 Kanun Keseksaan yang menyebabkan kecederaan.

“Pada tahun ini terdapat dua kes melibatkan Seksyen 326 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan parah dengan kedua-duanya kes melibatkan mangsa adalah isteri,” katanya.



ABDUL Majid

Ditanya apakah punca keganasan Abdul Majid berkata, masalah kewangan merupakan motif utama dengan sebanyak 77 kes direkodkan, diikuti sikap panas baran (48), cemburu (44), pengaruh dadah (41), mabuk (27), salah faham (17), penceraian (19), mempunyai hubungan sulit (14) dan leka bermain aplikasi WhatsApp sebanyak 12 kes.

“Turut direkodkan adalah perebutan anak 11 kes, malas membuat kerja rumah (lapan), abai tanggungjawab (tujuh), mental (dua) dan bakinya masing-masing merekodkan satu kes.

“Sejumlah besar kes yang berlaku membabitkan mangsa berusia 31 sehingga 40 tahun seramai 143 orang, diikuti usia 21 hingga 30 tahun (79) dan 41 hingga 50 tahun (49),” katanya.




**LUSUH DAN TIDAK BEROPERASI... Pusat Informasi Pelancongan yang terletak di Persimpangan Jalan Jonker, Banda Hilir dipercayai tidak beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada pertengahan Mac tahun lalu.**

**Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati beberapa direktori dan papan tanda di sekitar kawasan itu kelihatan lusuh. Bangunan yang dilengkapi dengan kemudahan surau itu turut ditutup.** FAIZ HASAN

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA
yondaime87@melakahariini.my

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR
mimieazura1981@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakahariini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI
amz@melakahariini.my
018 - 329 9936

SITI NAJIHA ABDULLAH
eihanajihah0@melakahariini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishaikal.zakaria@melakahariini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirulramli1990@melakahariini.my

ION Forte
GREEN CITY | AKCC

# Majlis Pecah Tanah

Ion Forte Green City
di Ayer Keroh Country Club

Dirasmikan oleh:

YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Hj. Sulaiman bin Md Ali
• Ketua Menteri Melaka •

12 JANUARI 2021 (SELASA)

Galeri Jualan Ion Forte Green City di Ayer Keroh Country Club kini dibuka.
Orang ramai dijemput hadir bermula jam 2.00 petang.

waze
Ion Forte Green City
@AKCC Melaka



NCT GROUP

NCT GREEN CITY SDN. BHD. (Company No. 1309616-U)
No. 2, Jalan BP 4/9,
Bandar Bukit Puchong, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.

Untuk Maklumat lanjut
www.ionforte.com
019-2509288
06-2930866




MOHD Ibrahim menerima Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan sumbangan LKIM daripada Othman di Kampung Ayer Hitam Pantai, baru-baru ini.

# Nyawa hampir hilang dirempuh bot

Din Ahmad

**TANJUNG BIDARA** - Tiga beranak hampir hilang nyawa selepas perahu gentian kaca mereka dirempuh bot besar dua bulan lalu tetapi ia tidak pernah melemahkan semangat mereka untuk turun ke laut.

Bagi Mohd Ibrahim Mat Daim, 65, dan anaknya, Mohd Bashir, 33, serta Mohd Iezaidi, 28, kejadian malang dan mengerikan itu akan terus terpahat kukuh dalam ingatan tetapi ia tidak melunturkan hasrat untuk terus mencari rezeki di laut.

Selain menggunakan modal sendiri untuk mendapatkan perahu gentian kaca dan peralatan menangkap ikan baharu, mereka bersyukur apabila menerima Skim Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Dengan sumbangan RM9,000 LKIM, mereka menambah kira-kira RM3,000 lagi untuk mendapatkan enjin sangkut baharu untuk menggerakkan perahu gentian kaca bernilai RM11,000 yang sudah ditempah dengan menggunakan wang sendiri.

Penyerahan replika cek berkenaan disempurnakan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff di kediaman Mohd Ibrahim di Kampung Ayer Hitam Pantai, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah LKIM Melaka, Rosli Mustapa dan Timbalannya, Zuly Syahira Mohd Surtar.

Mohd Ibrahim berkata, dalam kejadian kira-kira jam sembilan pagi pada 10 Oktober 2020, dia dan anaknya sedang menangkap ikan dengan menggunakan rawai, iaitu ratusan mata kail di perairan kira-kira satu batu nautika dari pantai Tanjung Tuan.

Bagaimanapun, bot besar yang dalam pelayaran pulang menangkap ikan ke Port Dickson tiba-tiba menghampiri perahu mereka dan mereka menjerit serta melambai-lambaikan kain sebagai isyarat supaya tekong bot berkenaan mengelak daripada merempuh mereka, katanya.

"Bot itu tidak mengelak, sebaliknya ia merempuh bahagian tengah perahu kami, menyebabkan kami tercampak ke laut...saya dan Mohd Bahsir terpaksa berenang manakala Mohd Iezaidi berpaut pada tangki minyak.

"Kami bernasib baik kerana bot itu berpatah balik untuk menyelamatkan kami selepas kami terapung kira-kira 15 minit dan kami amat bersyukur kerana Allah masih memanjangkan nyawa kami," katanya.

Berikutan itu, mereka kehilangan perahu gentian kaca, rawai dan enjin sangkut bernilai kira-kira RM30,000 tetapi tekong bot berkenaan memberikan ganti rugi RM10,000 bagi membolehkan mereka mendapatkan perahu baharu.

"Apa hendak dikatakan kerana segalanya sudah ditakdirkan dan bukan kehendak tekong itu untuk dengan sengaja merempuh kami tetapi kami amat bersyukur kerana sekurang-kurangnya kami masih bernyawa," katanya.

Sementara menunggu perahu gentian kaca yang baharu siap tidak lama lagi, mereka terpaksa turun ke laut dengan menjadi awak-awak perahu nelayan lain di pangkalan nelayan Kampung Pasir Gembor, Tanjung Bidara.

# Rumah baharu siap tidak lama lagi

**REMBIA** - "Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana mendengar penderitaan kami.

"Kami tidak berdaya untuk membina rumah baharu dan kalau diharapkan dengan pendapatan yang tidak seberapa, pasti kami tidak akan menikmati kediaman baharu," kata Mohd Zaini Mahat, 34.

Tiada yang lebih menggembirakan beliau dan empat anggota keluarganya yang kehilangan tempat tinggal akibat kebakaran, selain menyaksikan rumah baharu bakal disiapkan tidak lama lagi.

Mohd Zaidi dan ibunya, Maimunah Abu, 66, serta tiga lagi anggota keluarga mereka tidak berhenti daripada mengucapkan kesyukuran kepada Allah dan terima kasih kepada kerajaan.

Selepas dua bulan kehilangan rumah akibat kebakaran pada 8 November 2020, mereka amat berharap rumah yang sedang dibina melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) itu mampu disiapkan tidak lama lagi.

Ini kerana sejak kejadian malang itu, mereka terpaksa menumpang di kediaman Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) milik adik perempuan Mohd Zaidi kira-kira 50 meter dari kediaman yang sudah musnah di Kampung Solok Mentangor, Sungai Petai di sini.

Mohd Zaidi berkata, beliau sekeluarga ceria apabila beberapa pekerja syarikat kontraktor memulakan tugas berkenaan sejak awal bulan lalu dan dijangka menyempurnakannya tidak lama lagi.

"Sejak kejadian itu kami terpaksa menumpang di rumah adik dan walaupun terpaksa tinggal dalam rumah yang sempit, sekurang-kurangnya kami masih ada tempat berteduh.

"Alhamdulillah, kami ucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan yang sudi membantu meringankan beban kami sekeluarga kerana kalau hendak diharapkan kami sendiri yang membina rumah baru, memang tidak akan ada," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam kejadian itu mereka sekeluarga tinggal sehelai sepinggang dan terpaksa menelan kepahitan menyaksikan pelbagai peralatan yang disifatkan sebagai antik dan menyimpan memori silam keluarga, hangus sekelip mata.

Perabot lama seperti almari diperbuat daripada kayu jati dan katil besi serta peralatan klasik seperti kipas angin, seterika arang dan beberapa pisau serta parang lama yang bernilai tinggi dalam kalangan penggemar barangan antik, musnah dijilat api.

Sementara itu Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia, Ali Hassan Ahmad Shamsuddin berkata, Pejabat Penghulu memperoleh peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi membina kediaman baharu untuk keluarga terbabit.

Beliau berkata, kediaman itu menyediakan ruang lebih selesa berdasarkan tiga bilik dan sebuah bilik air yang lebih luas.

Ia dibina dengan kos RM48,000 dan dijangka mampu disiapkan tidak lama lagi bergantung kepada keadaan cuaca, katanya.



MOHD Zaidi

RUMAH baharu Mohd Zaidi sekeluarga kini sedang dibina melalui peruntukan KPLB



SYAMSUL Tahrin (tengah) menunjukkan hasil cili yang dihasilkan pelajar IKTBN Alor Gajah menerusi projek Kebuniti.

# Pelajar diajar berkebun

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**MASJID TANAH** - Seramai 25 pelajar jurusan hospitaliti dan elektrik Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Alor Gajah didedahkan kepada projek Kebuniti iaitu pertanian bandar yang semakin popular sejak akhir-akhir ini.

Pengarah IKTBN Alor Gajah Syamsul Tahrin Mohd Tahir berkata, projek yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) institut berkenaan diadakan bertujuan untuk memberi nilai tambah pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar selain dari kemahiran yang sedang diikuti.

Jelasnya, melalui fasa pertama projek tersebut, pelajar-pelajar telah melalui kursus asas penanaman fertigasi cili bara pada November lalu yang mana mereka diajar penyediaan kebun serta penanaman anak pokok hasil bimbingan Pegawai Pejabat Pertanian Alor Gajah.

Hasil daripada tunjuk ajar itu, ujarnya, sebanyak 500 pokok cili bara telah ditanam dan sebanyak 10 kilogram (kg) telah berjaya dituai untuk dipasarkan.

"Kita berharap melalui projek ini ia dapat memenuhi masa terluang pelajar selepas sesi pembelajaran dengan aktiviti yang berfaedah yang juga dapay membantu mereka menjana pendapatan dan mempelajari asas keusahawanan.

"Selain itu, kita percaya program Kebuniti ini juga dapat mengeratkan lagi silaturahim di antara pegawai dan kakitangan dengan pelajar-pelajar IKTBN Alor Gajah.

"Diharap apa yang telah dipelajari para pelajar dapat diaplikasikan dalam bidang kemahiran yang sedang dipelajari dan mencipta satu produk inovasi terbaharu yang dapat memberi manfaat kepada ramai orang di kemudian hari," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan projek Kebuniti di IKTBN Alor Gajah, baru baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah HEP Mohd Firdaus Mazlan dan Penyelia Program Mizan Malik.

EDISI KHAS 11 JANUARI 2021 - 17 JANUARI 2021 / 27 JAMADILAWAL 1442 - 4 JAMADILAKHIR 1442

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." **(Surah Al-A'la, ayat 14-15)**

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." **(Surah Al-Baqarah, ayat 155)**

# Amanah menjaga kesihatan

**Erwin Abu Hasan**
**erwin@maim.gov.my**

**ANTARA** kekuatan yang kita semua rasakan dalam hidup ini pastinya apabila dikurniakan kesihatan yang baik.

Bagi orang yang diuji dengan masalah kesakitan, sudah pasti tubuh badan mereka lemah, kurang selera makan, malah untuk menguntum senyuman juga terasa berat.

Islam menyarankan umatnya sentiasa menjaga tubuh badan serta mengamalkan cara hidup yang sihat. Kehidupan sihat itu juga adalah satu amanah dalam hubungan manusia dengan Allah SWT.

Terdapat mutiara kata daripada ulama iaitu: "Akal sihat berada pada tubuh badan yang sihat." yang mana ia juga selaras dengan tujuan Islam menyarankan umatnya sentiasa memeliharaagama, akal, jiwa, harta dan keturunan.

Dalam konteks melaksanakan ibadat solat misalnya, semestinya tubuh badan sihat membolehkan seseorang itu berupa melaksanakan solat yang dituntut dengan lebih sempurna.

Begitu juga dengan ibadat puasa, memerlukan kesihatan yang baik untuk berpuasa sepanjang hari. Selain itu, ibadat haji juga memerlukan kekuatan fizikal untuk melaksanakan semua rukun haji.

Sebab itu, apabila dikurniakan kesihatan yang baik, kita perlu menjaga dan 'mempersembahkan' setiap ibadat dengan baik malah bukan saja dapat melengkapkan ibadat wajib, yang sunat juga tidak ditinggalkan.

Jika tidak berusaha ke arah itu, ia satu kerugian besar kerana kita tidak tahu satu masa nanti kita diuji dengan penyakit dan ketika itu amalan yang hendak dilaksanakan pastinya tidak sebaik ketika masih sihat.

Benar ada yang mengatakan, manusia akan merasa sesuatu nikmat itu apabila kita kehilangannya kerana terlalu banyak nikmat yang kita peroleh daripada Allah SWT sebagai bukti kebesaran-Nya, cuma terlalu sedikit manusia mengucapkan rasa syukur.

Dalam Surah an-Nahl, ayat 18, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Sekiranya kamu menghitung nikmat Allah, tiadalah kamu dapat menghitungnya, Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Pastikan setiap kali selepas solat, jadikan doa yang wajib kita ungkapkan kepada Allah SWT adalah supaya diberikan kesihatan yang baik.

Di dalam satu hadis, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kenikmatan pertama yang perlu dipertanggungjawabkan oleh hamba Allah pada hari akhirat adalah pertanyaan, 'Bukankah Kami menyihatkan tubuh kamu dan Kami hilangkan dahaga kamu dengan air yang dingin?'

Rasulullah SAW menyambung: "Tidak seorang pun diizinkan bergerak daripada kedudukannya pada hari akhirat sehingga dia menjawab bagaimana dia menghabiskan hidupnya, bagaimana dia gunakan pengetahuannya, dari mana dia memperoleh dan ke mana dia belanjakan hartanya dan bagaimana dia gunakan kesihatannya." (Diriwayatkan oleh at-Tirmidzi)






**SERAH SUMBANGAN...Pegawai Agihan Zakat Daerah Jasin, Norazam Ismail menerima sumbangan kelengkapan tilam angin dan pam pemeriksaan kandungan gula dalam darah serta mesin pemeriksaan tekanan darah oleh Farmasi Remedi yang bertujuan bagi kegunaan asnaf MAIM yang memerlukan sekitar daerah berkenaan.**



Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my





PEGAWAI Wakaf MAIM mengadakan perbincangan berkaitan pewakafan tanah lot 680 dan 677 di daerah Alor Gajah bersama pewakaf, Konya Dalib serta Kamariah Ahmad. Pewakaf berminat mewakafkan tanah berkenaan bagi tujuan tapak tambahan perkuburan Islam bagi kegunaan penduduka Kariah Masjid Pegoh.

PEGAWAI Agihan Zakat Daerah Jasin, Norazam Ismail menyampaikan sumbangan wang tunai kepada salah seorang asnaf MAIM yang dilanda musibah kebakaran ruang dapur baru-baru ini.





SERAHAN wakaf tunai yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Masjid Klebang Besar kepada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang bertujuan bagi kutipan wakaf khas tapak baru masjid berkenaan.

LAPORKAN KEPADA MAIM
MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882
Jasin | 06-529 8415
06-529 8417
Alor Gajah | 06-384 2699
Merlimau | 06-263 9505
Website | www.maim.gov.my
Email | admin@maim.gov.my
Youtube | majlis agama islam melaka
Facebook | facebook/maimmelaka

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

# ASB wajib bayar zakat ke?



**Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil**
Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.

**AMANAH** SahamBumiputra (ASB) adalah salah satu jenis pelaburan yang diwujudkan oleh kerajaan bagi tujuan untuk membantu kaum Bumiputra meningkatkan pendapatan mereka dalam pengagihan kekayaan negara. Sepertimana pelaburan lain, pemilik ASB juga turut diwajibkan untuk mengeluarkan zakat.

Zakat Simpanan ASB ini dikeluarkan dengan melihat baki terendah dalam tempoh setahun, jika jumlahnya melebihi RM15,767.73 bagi tahun 2020, maka wajiblah mengeluarkan zakat. Pengiraan Zakat Simpanan ASB adalah mengikut kiraanZakat Wang Simpanan iaitu kadarnya 2.5%. Sebagai contoh: RM94,000 (baki terendah) x 2.5% = RM2,350(Zakat Simpanan ASB yang wajib dilaksanakan).

Walaubagaimanapun, sekiranya pelaburan ASB itu dibuat melalui pinjaman bank yang telah ditetapkan syarat pelabur tidak boleh mengeluarkannya sehingga pinjaman dibayar penuh, maka zakat tidak dikenakan. Hal ini kerana, harta tersebut tiada pemilikan sempurna melainkan dividen atau faedah keuntungan yang diperolehi daripada ASB tersebut wajib dizakatkannya.

Namun begitu, perlu diingatkan juga apabila pinjaman tersebut telah dibayar penuh oleh peminjam atau memiliki wang tersebut sepenuhnya, maka mereka wajiblah mengeluarkan zakatnya itu. Hal ini kerana, pemilikan wang tersebut sudah sempurna milik bagi pihak peminjam.

Kesimpulannya, setiap masyarakat perlu ada kesedaran akan kepentingan dan kesan membayar zakat seperti yang dicatat dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

*"Tidaklah seseorang hamba berada pada suatu hari melainkan akan turun dua malaikat yang salah satunya mengucapkan doa, "Ya Allah berikanlah orang-orang yang berinfaq itu balasan", dan malaikat yang lain mengucapkan doa, "Ya Allah berikanlah pada orang yang bakhil/kikir kebinasaan hartanya".* **(H.R. Bukhari & Muslim)**

Zakat Melaka menyerumasyarakat Islam yang mencukupi syarat-syarat wajib zakat, bersegeralah menunaikannya tanpa bertangguh. Semoga Allah SWT membalas sebaik-baik balasan apa yang diberikan dan melimpah berkat ke atas apa yang ditinggalkan seterusnya dapat memberi manfaat kepada seluruh asnaf yang amat memerlukan bantuan zakat. In Sha Allah.

**"Sekiranya pelaburan ASB itu dibuat melalui pinjaman bank yang telah ditetapkan syarat pelabur tidak boleh mengeluarkannya sehingga pinjaman dibayar penuh, maka zakat tidak dikenakan. Hal ini kerana, harta tersebut tiada pemilikan sempurna melainkan dividen atau faedah keuntungan yang diperolehi daripada ASB tersebut wajib dizakatkannya."**

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian **1-300-88-0233** di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp **011-58583885** untuk info lebih lanjut. Zakat - "Bersih Jiwa Suci Harta".

**Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :**
**Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154**

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

**Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com**









# MAIM

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



PRIHATIN...Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid, Azli Ab Rahman menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar daripada asnaf saudara muslim pada Program Kongsi Rezeki "Jom Kembali ke Sekolah Pelajar Asnaf Dan Saudara Muslim baru-baru ini. Program itu telah dianjurkan oleh JAIM dengan kerjasama QSR Brandings (M) Holdings Bhd. dan Masjid Cina Negeri Melaka dan setiap mereka menerima sumbangan kit pakaian sekolah yang terdiri daripada beg, kasut dan peralatan menulis serta wang tunai untuk kegunaan mereka bersama.

PENGURUS Rumah Anak-Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj (RAYSS) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Naillul Hafidz Ibrahim mengetuai sesi temuduga sebahagian pelajar yang terdiri daripada anak-anak yatim dan keluarga bermasalah yang berminat untuk menghuni di asrama RAYSS pada tahun ini. Pelbagai kemudahan disediakan di rumah berkenaan antaranya penyediaan bilik asrama yang lengkap, pakaian dan perlatan sekolah serta pengurusan makan dan minum yang terjamin bersih.





PEGAWAI Wakaf MAIM menyantuni pewakaf, Hasmah Kamit yang berhasrat untuk mewakafkan tanah di atas lot 3923, Mukim Sungai Rambai di daerah Jasin. Proses pewakafan dilaksanakan bagi tujuan manfaat bersama umat Islam khususnya di kariah berkenaan bagi tujuan pelbagai bentuk demi manfaat bersama.






# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK MENJAWAB SPM
SUBJEK : SEJARAH

## PENTAKSIRAN SEJARAH SPM 2020

**4. Maklumat berikut berkaitan dengan perang yang disertai oleh Asoka.**

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 261 S.M. | Perang Kalinga |

**Apakah sebab Asoka menyertai perang tersebut ?**

I Mengukuhkan empayar
II Mengatasi perang saudara
III Memelihara pemerintahan raja
IV Mengembangkan agama Hindu

**A. I dan II** **C . II dan III**
**B. I dan IV** **D . III dan IV**

**5. Bagaimanakah kerajaan Funan berubah daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim?**

A. Pertahanan laut kuat
B. Pelabuhan yang strategik
C. Persaingan antara kerajaan
D. Kemerosotan hasil pertanian

**6. Maklumat berikut adalah hasil kesusasteraan di Asia Tenggara.**

- Nagarakertagama
- Hikayat Pendawa Lima

**Apakah yang dapat disimpulkan berkaitan dengan hasil kesusasteraan tersebut?**

A. Dipengaruhi unsur India
B. Ditulis golongan pendeta
C. Diminati para bangsawan
D. Dijadikan dasar perundangan

**7. Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa penurunan wahyu kepada Nabi Muhammad S.A.W.**

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 6 Ogos 610M (17 Ramadhan) | Wahyu pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W |

**Apakah kesan daripada peristiwa berikut ?**

A. agama Islam tersebar
B. kemunculan kerajaan Islam
C. penentangan Arab Quraisy terhadap Islam
D. pemisah Zaman Jahiliah dengan Zaman Islam

**8. Mengapakah orang Arab Quraisy menentang ajaran Islam?**

I Perbezaan bangsa dan warna kulit
II Perbezaan kepercayaan dan amalan
III Ajaran Islam yang menyarankan prinsip persamaan
IV Nabi Muhammad S.A.W bukan daripada keturunan Quraisy

**A. I dan II** **C. II dan III**
**B. I dan IV** **D. III dan IV**

**9. Allah S.W.T telah memberikan keizinan kepada umat Islam untuk berperang mengikut garis panduan tertentu.**

**Antara berikut, yang manakah garis panduan yang mesti dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan?**

I Dilarang menggunakan senjata yang berat
II Dilarang membunuh orang yang lemah
III Dilarang membunuh binatang ternakan
IV Dilarang mengambil tawanan perang

**A. I dan II** **C. II dan III**
**B. I dan IV** **D. III dan IV**

**10. Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian Hudaibiyah.**

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 628 Masihi | Rombongan orang Islam dari Madinah disekat di Hudaibiyah |

**Mengapakah Nabi Muhammad S.A.W bertindak menghantar Uthman bin Affan menemui pemimpin Quraisy di Makkah selepas berlakunya peristiwa tersebut ?**

A. Memberi peringatan
B. Menjelaskan tujuan kedatangan
C. Membuat rundingan kedamaian
D. Meninjau kekuatan tentera musuh

**11. Bagaimanakah khalifah dilantik pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah ?**

A. Melalui pemilihan oleh ulama
B. Melalui perundingan Majlis Syura
C. Melalui pengamalan sistem pewarisan
D. Melalui wasiat oleh khalifah terdahulu

**12. Dasar sosial Islam yang diamalkan kerajaan Turki Uthmaniyah telah menarik minat orang Kristian di Eropah untuk memeluk Islam.**
**Apakah aspek yang ditekankan dalam dasar tersebut ?**

A. Warisan Bangsa
B. Jurai keturunan
C. Pengumpulan kekayaan
D. Kecemerlangan individu

**13 Senarai berikut merupakan sejarawan yang mengemukakan pendapat tentang teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.**

- John Crawford
- Snouck Hurgronje
- Emanuel Gadinho Eredia

**Apakah persamaan pendapat tokoh berikut tentang cara kedatangan Islam ke Asia Tenggara?**

A. Melalui kegiatan perdagangan
B. Menerusi aktiviti penaklukan
C. Mengislamkan pemerintah
D. Menjalankan perkahwinan siasah

**14. Sistem politik di Asia Tenggara mengalami perubahan selepas kedatangan Islam.**
**Apakah perubahan tersebut ?**

I Institusi kesultanan diperkenalkan
II Islam dijadikan asas perundangan
III Sistem beraja berkuasa mutlak tamat
IV Pembesar dilantik secara musyawarah

**A. I dan II** **C. II dan III**
**B. I dan IV** **D. III dan IV**

**15. Maklumat berikut merupakan ciri sistem perundangan Adat Perpatih.**

**Bersifat matrilineal**

**Apakah kepentingan ciri tersebut ?**

A. Mementingkan kekayaan
B. Mengutamakan anak lelaki
C. Mengamalkan dasar musyawarah
D. Mengutamakan jurai keturunan ibu

**16. Mengapakah institusi baitulmal diperkenalkan oleh Kesultanan Melayu Melaka ?**

A. Mengagihkan harta pusaka
B. Menguruskan harta kerajaan
C. Mengendalikan adat istiadat istana
D. Menentukan bidang tugas pembesar

**17. Maklumat berikut menerangkan faktor penjelajahan dan penerokaan orang Eropah ke Timur.**

- Desakan ekonomi
- Galakan pemerintah

Tourism MELAKA

MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA

# Melaka Major EVENTS 2021



1

**Chinese New Year Festival**
29 January - 26 February 2021
Venue : Jonker Street, Melaka



2

**Melaka Food Fiesta 2021**
26 - 28 February 2021
Venue : Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF) Sungai Udang, Melaka



3

**Malakka Dutch Week (A Melakan Dutch Week)**
6 March 2021
Venue : Stadthuys Complex, Banda Hilir, Melaka



4

**Raptor Watch 2021**
13 - 14 March 2021
Venue : Tanjung Tuan, Melaka




5

**Pesta Bunga Melaka 2021**
26 March - 4 April 2021
Venue : Taman Seribu Bunga, Ayer Keroh Melaka



6

**Karnival Warisan Kita 2021**
26 - 28 March 2021
Venue : Perkampungan Hang Tuah, Duyong Melaka



7

**The 18th Anniversary of Historic Melaka City Council (MBMB)**
15 April 2021
Venue : Dataran Bandaraya MBMB, Ayer Keroh, Melaka



8

**Fiesta San Pedro**
26 - 28 June 2021
Venue : Portuguese Settlement, Ujong Pasir, Melaka



9

**13th Anniversary of UNESCO World Heritage City Celebration**
10 July 2021
Venue : Bandar Hilir, Melaka



10

**Melaka Fruits Fiesta (MFF) 2021**
24 - 25 July 2021
Venue : Melaka Tropical Fruit Farm (MTFF) Sungai Udang, Melaka



11

**Melaka Nature & Indigenous Fiesta 2021**
18 - 19 September 2021
Venue : Taman Eko Rimba, Bukit Batu Lebah, Melaka



12

**Melaka International Air Carnival (KUAM 2021)**
24 - 26 September 2021
Venue : Melaka International Airport, Bukit Batu Lebah, Melaka



13

**Melaka By The Sea Carnival 2021**
30 - 31 October 2021
Venue : Tanjung Bidara, Melaka



14

**Melaka Fiesta**
30 - 31 December 2021
Venue : Klebang Melaka

INFOGRAPHIC BY : MELAKA HARI INI



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

## A Kingdom without Soldiers:

# Communication throughout the Alam Minangkabau



**A** grandson of a well known Minangkabau figure in Kuala Lumpur history originating from Batusangkar, once shared a statement describing his ancestors: "They are subtle colonisers of the Malay Archipelago." And indeed they are. The Minangkabaus are cultural shapers of the Malays. The Minangkabau narrative is dominated by at least two practices – the *adatperpatih* (matrilineal culture) and *merantau*, of which there is no exact English translation.

This week's column highlights practice, less known – that of the Minangkabau scribe and the transmission of power from the polity to the rest of the *rantau.*

The Minangkabau monarch sits in the heartlands, the *ranah* located in Pagaruyung. There is no kingdom in the modern and European sense of the word. Just the *Alam*, or the Minangkabau world. This is the polity.

Minangkabau kings have been characterised as 'sacred rulers.' On the other hand, the narrative lends them as 'powerless monarchs.' One European scholar in 1935 made the following observation: "Kings without soldiers: the poorest pretense of monarchs the world has known."

It is certainly problematic to conceive the Minangkabau polity as a state, in the modern sense of the state and is apparatus. The *Alam-Miinangkabau*, as conceived by themselves, is, or was, composed of an inner and an outer sphere, likethe *merantau* (generally translated by Western scholars as migration), lineal affiliation and common traditions.

The centre (*ranah/darat/darek*) and periphery (*rantau*) responded to each other in a unity known as the *Alam.* According to anthropologist Jane Drakard, and author of a fascinating 1999 work titled *A Kingdom of Words: Language and Power in Sumatra*, the binding mechanism is the semiotic understanding of authority. Her study emphasizes a semiotic understanding of authority.

The Minangkabau kingdom, it was argued, was realized and actuated through language and the dissemination of royal signs. Focusing on the periods of the 17th and the 18th centuries, the dynamics of the Minangkabau world is characterized by the transmission and reception of signs within its society, thereby revealing the pattens of language and representation which prevailed.

Pagaruyung still evokes an aura and mystique.It was once the locus of power and spiritual strength. The replica of the palace that was once the actual centre of the *Alamis* now symbolic. Earlier burnt during the Paderi wars in 1804, and again in 1966 and 2007, it was quickly resurrected not long after. I was present during the ceremony of erecting the *tiangseri* more than 10 years ago. Officiated in October 2013, it now functions as a museum and continues to be a popular tourist attraction.

'Pagaruyung origins' of families in Malaysia linger in social and collective memories. The kingdom was disbanded in 1833. The descendants of the many rajas are scattered throughout the Archipelago. Some maintain or imagined themselves as members of the *bangsawan.*

The *Alam*runs throughout the *Tanah Air.* The Minangkabau royal family, from the 17th to the 19th centuries had a special position and claims to royal prestige in the Malay world. The Minangkabau kings adopted royal credentials and titles. These are articulated in letters and edicts from the courts. "*The Jangdipatuan*'s duties were mainly of a scared nature. He imparted his *Daulat* (the essence of his sovereignty) to the country and embodied of the unity of the Minangkabau World as a whole," according to Dutchanthropologist P.E. de Josselin de Jong, known for his studies on Minangkabau society. Through the raja, the kingdom was expanded and protected. There was no bureaucracy There was no army.

The mountains and mists of the BarisanRange, veil the mystique. The relationship between centre and periphery (the *ranah* and the *alam*) was configured by the Bukit Barisan, not by rivers and *kualas.*

> **"The titah (words, utterance, command)) sit somewhere above the clouds. As one raja said, he is king above the clouds. The titah carries a portent force. This is embodied in the surat cap...Minangkabau society is known for its orality. So capturing written speech is awesome. A typical surat cop reads as follows: "If this is conveyed to Siak and to Nilawan, to Patapahan and also to Kampar Kiri and to Kampar Kanan do not let it be destroyed, be it at sea or to Palembang and Inderagiri, be it to Rokan or to the villages of Rambai, Tembusi, or to Batu Bara or to Pulau Penang or to Melaka and to Kedah, or be it to Jawa, to Batavia or to Susu or to Telaboh the same, or be it to Tra and to Bengkulu..."**

My numerous trips to West Sumatra failed to unimpressed me of the mountains, some 10 kilometers away to its foothills, from the coastal flat of Padang. From the(Minangkabau International Airport, at Ketaping, in Padang Pariaman, some 23 kilometres northwest of Padang, the ascent gradually steepens quickly via the LembahAnai. It isjourney from below the clouds.

The *titah* (words, utterance, command)) sit somewhere above the clouds. As one raja said, he is king above the clouds. The *titah* carries a portent force. This is embodied in the *surat cap.* These impressive documents' use of the name 'Allah' running as a border around the whole manuscript must have added to its power. It served to enclose the text within "a sacred frame."

Minangkabau society is known for its orality. So capturing written speech is awesome. A typical *surat cop* reads as follows: "If this is conveyed to Siak and to Nilawan, to Patapahan and also to Kampar Kiri and to Kampar Kanan do not let it be destroyed, be it at sea or to Palembang and Inderagiri, be it to Rokan or to the villages of Rambai, Tembusi, or to Batu Bara or to Pulau Pinang or to Melaka and to Kedah, or be it to Jawa, to Batavia or to Susu or to Telaboht he same, or be it to Tra and to Bengkulu..."

That is the power from Pagaruyung. The *surat cop*, in the absence of an army and a bureaucracy, empowers the *rantauin* transmitting shared values to society.

**NEXT WEEK:**

***The Rantau and Merantau***

***Prof.Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTACIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**


A.K.C.C.
AKCC GOLF PROMO 2021
WEEKDAYS SPECIAL
• MONDAY BLUES • LADIES GOLFER •
• SENIOR GOLFER •
ONLY AT RM87 PER PERSON
Inclusive of Green Fee, Buggy Fee, Insurance and Gov. Tax.
Terms & Conditions Apply
Call For Booking: 06-233 2003 or Email Us For More Information: ashikin@akcc.com.my
Ayer Keroh Country Club



Liana Sahabudin

# Al-Ikhlas Gadget sedia barangan mampu milik

- "Mula pembukaan kedai September hingga Disember 2020, lebih 300,000 pelanggan datang ke Al-Ikhlas Gadget,"

SESUAI dengan namanya Al-Ikhlas Gadget, sudah pasti kedai menjual kelengkapan berasaskan gajet ini menyediakan barangan yang murah dan mampu dimiliki.

Itu konsep yang diterapkan pemiliknya untuk membantu masyarakat mendapatkan kemudahan barangan gajet dengan harga dan kualiti yang memuaskan.

Pengurus cawangan Al-Ikhlas Gadget Cawangan Melaka, Nurul Aliyah Nadhirah Asman berkata, memulakan langkah pada tahun 2014 di Johor Bahru sehingga kini, Al-Ikhlas sudah mempunyai lapan cawangan.

"Jika dulu kita cuma buka di Johor, namun tahun lepas kita memilih Melaka sebagai negeri kedua kerana permintaan yang banyak dan lokasinya yang dekat.

"Perancangan kami adalah untuk bantu orang Melaka mencari keperluan mereka sebab gajet sudah jadi keperluan dari pelbagai jenis.

"Mula pembukaan kedai September hingga Disember 2020, lebih 300,000 pelanggan datang ke Al-Ikhlas Gadget," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.



KAKITANGAN Al-Ikhlas Gadget Klebang melayan pelanggan yang hadir.

**BUKA KEDAI GAJET YANG PELBAGAI**

Nurul berkata, tidak hanya memfokuskan aksesori gajet, malah Al-Ikhlas turut menyediakan penjualan laptop, simkad, membaiki telefon dan banyak lagi.

"Kita nak buka vendor yang pelbagai, sini ada jual laptop, simkad, baiki telefon, aksesori permainan esport (sukan elektronik) dan lain-lain.

"InsyaAllah tahun ini kita akan perbaharui pelbagai lagi barangan di premis kami untuk menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

**SASARAN LEBIH SEJUTA PENGUNJUNG**

Katanya, Al-Ikhlas Gadget menetapkan sasaran lebih sejuta pengunjung yang membeli barangan di kedai tersebut.



NURUL

"Tahun 2021 kita jangka lebih sejuta pengunjung dan ini memang sasaran kita pada setiap tahun.

"Untuk capai sasaran ni, kita akan perbaharui dari segi barangan gajet yang baharu supaya tidak ketinggalan berbanding kedai lain," katanya lagi.

**PERLUAS KHIDMAT BUAT PELANGGAN**

Jelas Nurul, sehingga kini Al-Ikhlas turut menyediakan perkhidmatan penghantar atau pembayaran tunai semasa serahan (COD) dan pos.

"Pada masa sama pembantu jualan juga boleh menjadi 'personal shopper' yang mana akan mempromosi barangan di laman sosial dan bila ada permintaan dari pelanggan, dia akan lakukan COD.

"Selain itu, kita juga mempromosi barangan di laman sesawang Shoppee dengan harga yang murah, cuma kekangan jangka masa untuk barang sampai sedikit lewat," katanya.

**CADANG BUKA CAWANGAN BAHARU**

Menurut Nurul, selepas Melaka, Al-Ikhlas Gadget dijangka akan membuka cawangan seterusnya di Petaling Jaya dan Seremban.

"Akan datang kita nak buka cawangan di Petaling Jaya, ini fokus kita kerana permintaan pelanggan dari Indonesia dan Singapura juga kita terima sebelum ini.

"Selepas Petaling Jaya mungkin di Seremban bagi mencapai sasaran kita sebanyak 14 cawangan menjelang tahun 2024.

"Di Melaka pada hari biasa lebih 350 pelanggan yang datang ke sini, manakala hujung minggu lebih 450 pelanggan," katanya.



# TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA

**KITA** juga akan menambah baik produk-produk sedia ada dan tarikan pelancongan baharu, antaranya:

- **PERTAMA:** Perkhidmatan Teksi Air atau Water Taxi dari Melaka Sentral ke ke muara Sungai Melaka.
- **KEDUA:** Hab layang-layang di lokasi pelancongan, seperti Menara Taming Sari. Hab ini akan menjual semua jenis layang-layang buatan tempatan dan luar negeri seperti China, Taiwan, Hong Kong, Australia dan Indonesia.
- **KETIGA:** Menaiktaraf Perkampungan Hang Tuah sebagai lokasi perkampungan perfileman tradisi Melayu Melaka atau '*Hollywood*' Melaka;
- **KEEMPAT:** Membaikpulih Muzium Samudera yang merupakan replika kapal layar Portugis Flor de La Mar;
- **KELIMA:** Pusat Ketamadunan Melayu Antarabangsa, memfokuskan manuskrip dan persuratan Melayu serta warisan peradaban Melayu; dan
- **KEENAM:** Mewujudkan Sub-Sektor Pelancongan Agama, untuk mempromosikan sejarah kegemilangan Melaka sebagai Pusat Ketamadunan Agama Islam dan keunikan budaya serta agama, yang terdapat dalam masyarakat Melaka.

### INSENTIF PENGUSAHA PELANCONGAN MELAKA

Kerajaan Melaka dan Persekutuan telah memberikan beberapa insentif kepada pengusaha dan penggiat pelancongan, dalam membantu kelangsungan operasi premis mereka sepanjang tempoh PKP iaitu:

- **PERTAMA:** Mengecualikan Cukai Pelancongan sehingga Jun 2021;
- **KEDUA:** Mengecualikan pembayaran levi HRDF bagi hotel dan syarikat pelancongan mulai April 2020, dan menangguhkan pembayaran ansuran cukai selama 6 bulan bermula 1 April 2020;
- **KETIGA:** Memberi kemudahan skim jaminan berjumlah RM50 bilion, dengan jaminan sehingga 80 peratus dari jumlah pinjaman. Ini bagi membiayai keperluan modal kerja oleh Danajamin pada 2020;
- **KEEMPAT:** Memberi bantuan *one-off* bernilai RM500, Bantuan Kit Makanan Asas dan proses disinfeksi berkala secara percuma kepada 373 pengayuh beca pada 2020;
- **KELIMA:** Memberi bantuan one-off bernilai RM600 kepada pemandu pelancong dan pemandu teksi pada 2020; dan
- **KEENAM:** Menyedia Geran Khas PRIHATIN sebanyak RM3,000 bagi penggiat industri pelancongan yang berkategori Kecil atau Mikro pada 2020. Manakala pada 2021, Kerajaan Melaka akan memberi bantuan tunai one-off kepada 173 pemandu pelancong sebanyak RM200.
- **KETUJUH:** Memberi bantuan tunai one-off kepada 141 pemandu bas pelancong, sebanyak RM200 pada 2021;
- **KELAPAN:** Mengecualikan cukai perkhidmatan ke atas sektor perhotelan, bermula Mac hingga Ogos 2021;
- **KESEMBILAN:** Menangguhkan bayaran pinjaman atau moratorium oleh pihak bank sehingga Jun 2021; dan
- **KESEPULUH:** Mengecualikan duti hiburan untuk tiga taman tema air, iaitu A Famosa *Water Theme Park*, Bayou Lagoon Resort dan Melaka *Wonderland Water Theme Park*, pada 2021, serta program hiburan keluarga bermusim, yang menyumbang hampir RM1 juta kepada hasil negeri.

Saya menyeru pengusaha 3 taman tema air ini, agar dapat menurunkan harga tiket, untuk menggalakkan lebih ramai pelancong datang berkunjung.

Apatah lagi sewaktu PKPB baru-baru ini, sektor pelancongan Melaka terjejas teruk, hinggakan saya perasan, di sekitar Bandar Hilir misalnya, menjadi lengang, sepi seolah-olah macam sedang dilanda 'serangan zombi'.

Sebab itulah, saya lancarkan promosi "Melakan Visit Melaka Packages 2.0", khas untuk rakyat Melaka, melawat 18 tempat pelancongan menarik di negeri ini, dengan diskaun lumayan sehingga 50 peratus, berbanding harga biasa, sampai akhir bulan ini.

Begitu juga kepada 57 premis penginapan pelancong di negeri ini, turut menawarkan diskaun mencecah 30 peratus sehingga 28 Februari 2021.

Syaratnya, kita mestilah pemegang kad pengenalan 04/30 atau mempunyai alamat di Melaka. Sama-samalah kita rebut peluang ini ya!

Berhubung tadi, Encik Azman Dolah dari Kg. Morten, ada di atas sana. Beliau datang ke Dewan ini, untuk mendengar pembentangan belanjawan Melaka. Saya faham, mencari sesuap nasi sebagai pengayuh beca di kala COVID-19 masih berleluasa amatlah mencabar.

Bagi membantu 'Encik Man Morten' dan 215 pengayuh beca berlesen di Melaka, sukacita saya umumkan pada 2021, Kerajaan Melaka akan memberi bantuan tunai *one-off* sebanyak RM200.

Malah, pada 2021 juga, lesen beca akan turut dikecualikan.

Semoga beliau dan kawan-kawannya tersenyum mendengar khabar gembira ini. Terima kasih 'Man Morten' kerana sudi hadir!

### Projek Hakisan Pantai di Kawasan Pelancongan

Kebelakangan ini, pesisiran pantai Melaka terkesan akibat hakisan pantai. Ini menyebabkan kerosakan serius kepada harta benda awam dan menjejaskan kegiatan pelancongan di kawasan tersebut.

Justeru, wujudnya keperluan mendesak untuk kita melaksanakan kajian, bagi mengetahui punca dan membangunkan langkah-langkah mitigasi bagi menyelesaikan isu berkaitan.

Bagi 2021, keseluruhan peruntukan yang akan dibelanjakan sebanyak RM9.5 juta bagi menjalankan 7 buah projek mengatasi masalah hakisan.

### STRATEGI KELAPAN: MEMPERHEBAT INSTITUSI PENDIDIKAN UNIVERSITI MELAKA

Pendidikan pemangkin kepada peradaban ilmu dan nilai sahsiah sesebuah bangsa. Kerajaan Melaka terus komited dalam memartabatkan kualiti pendidikan, demi kemajuan anak-anak Melaka.

Untuk ini, sukacita saya umumkan, mulai tahun hadapan melalui gabungan KUIM dan MiCOST, InsyaAllah, kita akan mempunyai sebuah universiti penuh pertama milik rakyat dan Kerajaan Negeri,... bakal dinamakan sebagai, Universiti Melaka atau UNIMEL.

Sebagai galakan, Kerajaan Melaka menyediakan RM1 juta, insentif kepada anak Melaka, menyambung pengajian di KUIM seramai 700 pelajar dan 300 orang lagi di MiCOST, dengan bantuan tunai one-off sebanyak RM1,000.

Saya berharap, bolehlah kita menguar-uarkan dan ramai-ramai menghantar anak-anak kita belajar di Universiti Melaka. Mereka yang nak menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran pun, boleh sambung belajar di UNIMEL.

Seterusnya, kita telah berbincang dengan KPT, di bawah Rolling Plan Kedua RMKe-12, untuk membina kampus baharu Politeknik Melaka.

Menyentuh pendidikan 2021, Bantuan TAPEM diberikan kepada 3,000 orang pelajar B40 untuk memulakan persekolahan, berjumlah RM450,000.

Manakala Insentif Anugerah Pelajar Cemerlang bagi peperiksaan UPSR, PT3, SPM, STPM dan STAM bernilai RM127,600.

### TERAS KELIMA: SEJAHTERA

Sejahtera adalah Teras terakhir dalam misi Kerajaan Melaka dan bajet ini, bertujuan menghidupkan persekitaran negeri terbersih, terindah, lestari, selamat dan nilai kekitaan atau *sense of belonging* serta ekonomi, yakni, taraf hidup rakyat yang berkualiti, sejahtera dan lebih baik untuk didiami.

### STRATEGI KESEMBILAN: MEMPERKUKUH KERAJAAN TEMPATAN

Pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Laporan Indeks Kebahagiaan MURNInets KPKT merekodkan, Bandar Melaka dan Jasin tersenarai dalam 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia bagi 2019.

Manakala, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, telah memperoleh status Bandar Paling Mampan di Malaysia.

Terkini, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah, telah diiktiraf antara 5 PBT terbaik di Malaysia dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan atau SDG, Bandaraya Melaka.

Pada 5 November lalu, kesemua 4 PBT di Melaka, telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang daripada KPKT, meliputi aspek pengurusan, perkhidmatan teras kepada rakyat, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti, daripada 101 PBT di seluruh Malaysia.

Atas pencapaian membanggakan ini, bersamalah kita ucapkan syabas kepada keempat-empat PBT Negeri Melaka!

### KOMUNITI HAB

Selanjutnya, PBT di Melaka akan mewujudkan sekurang-kurangnya satu Komuniti Hab bagi membudayakan komuniti berdaya saing, di kawasan pentadbiran masing-masing, penekanannya kepada golongan miskin bandar, asnaf dan B40.

### KEBERSIHAN DAN KECERIAAN

Bagi mengembalikan Melaka sebagai negeri yang paling bersih suatu ketika dahulu, kita akan melakukan transformasi besar bagi merealisasikan hasrat tersebut seperti, menceria dan mengindahkan Melaka menjadi negeri dalam taman, ibarat 'Negeri cantik seribu bunga'.

Justeru, kita akan perhebatkan kempen kebersihan antaranya, membersihkan longkang, parit, mengubah lanskap dan memulihara sungai-sungai yang terdapat di Melaka.

### KESELAMATAN

Penglibatan badan-badan beruniform seperti PDRM, KASTAM, IMIGRESEN, BOMBA, APM dan agensi-agensi lain dalam operasi bersepadu bersama PBT sering dilaksanakan, bagi memastikan tahap keselamatan serta ketenteraman masyarakat terjamin.

Misalnya, Jabatan Operasi Bersepadu oleh Jabatan Alam Sekitar, Imigresen dan PDRM bagi pemeriksaan Campsite penginapan pekerja asing Kuala Sungai Baru.

Selain itu, bagi meningkatkan keselamatan rakyat, Kerajaan Melaka bersetuju meluluskan sumbangan RM1,000 kepada setiap Skim Rondaan Sukarela pada 2020, yang berdaftar dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Di perspektif lain, kita menghargai jasa bekas Pegawai Waran 2 tentera, Encik Jantan bin Baba. Beliau bukan sahaja pernah menembak mati 7 komunis, malah diberi penghormatan memegang cokmar semasa pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Beliau kini uzur, namun sedang menyaksikan Belanjawan ini secara *facebook live*. Saya doakan semoga panjang umur dan sama-samalah kita beri penghargaan kepada Encik Jantan!

### STRATEGI KESEPULUH: MENERUSKAN INSENTIF KEBAJIKAN RAKYAT

Kebajikan rakyat sangat dekat dalam lubuk hati saya, dan sentiasa diambil berat oleh Kerajaan Melaka.

Pendekatan kami jelas, "kita setiap hari bertemu dengan rakyat, kita dengar keluhan mereka, kita selami denyut nadi dan perasaan mereka, semestinya saya pastikan bahawa,... tiada mana-mana golongan pun terpinggir, daripada menerima bantuan dan manfaat, atas prinsip, '*NO ONE IS LEFT BEHIND*'."

### MENAIK TARAF BAS PERCUMA KEPADA ASNAF DAN OKU

Atas komitmen itu, kepada golongan OKU dan fakir miskin, kita akan menaik taraf perkhidmatan 3 buah bas percuma, untuk laluan ke MITC, Hospital Melaka dan UTC di Jalan Hang Tuah.

### BANTUAN SUSU FORMULA PESAKIT TERLANTAR, OKU, DAN WARGA EMAS

Selanjutnya, kita bersetuju memperuntukkan sejumlah RM1.7 juta bagi Program Bantuan Susu Sebagai Makanan kepada pesakit terlantar, OKU dan warga emas melibatkan 361 orang penerima.

### Bantuan Lampin Pakai Buang Dewasa

Bagi menampung kos perbelanjaan lampin pakai buang dewasa, dari Jun hingga Disember 2020, hampir RM800,000 diperuntuk, memanfaatkan 2,240 orang penerima.

Justeru sukacitanya saya umumkan, bantuan ini kita akan diteruskan pada tahun 2021.

### SAGU HATI NELAYAN BERDAFTAR

Sememangnya, kebajikan semua nelayan menjadi keutamaan kita. Bagi meringankan beban mereka, kita memperuntukkan RM1.48 juta bayaran sagu hati secara *one-off*, kepada lebih 1,100 nelayan berdaftar di Melaka. Jumlah yang akan diterima nelayan adalah RM2,000 bagi pemilik sampan, dan RM250 pula bagi awak-awak.

Selain itu, bagi memudahkan laluan keluar masuk bot nelayan, Kerajaan Melaka turut melaksanakan projek mendalamkan Muara Kuala Sungai Baru dan Sungai Punggor, masing-masing berjumlah RM12 juta dan RM8 juta.

### CARUMAN PERKESO BUAT PENGAYUH BECA, PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA

Selanjutnya, Kerajaan Melaka bersetuju menaja caruman PERKESO buat 325 pengayuh beca dan 805 pemandu teksi serta kereta sewa di seluruh Melaka. Peruntukan hampir RM200,000 bagi tempoh setahun juga disediakan untuk Skim Keselamatan Pekerjaan Sendiri.

Sebagai sokongan kepada 'abang-abang' beca, saya menggalakkan agar, kita semua boleh "*round-round* bandar Melaka" menaiki beca, sambil bersantai bersama keluarga.

Sambungan di minggu hadapan

# Apakah itu Hernia (Angin Pasang) ?

• Faktor obesiti juga adalah pemyumbang untuk masalah hernia tali pusat dan hernia hirisan. Oleh itu pesakit pesakit di galakkan untuk mengurangkan berat badan sebanyak 10-20% sebelum dapat menjalani pembedahan dengan jayanya.



DR. Shankar Gunarasa

PANTAI HOSPITAL Ayer Keroh

**HERNIA** berlaku di sebabkan oleh bonjolan yang keluar dari dalam abdomen (biasanya usus besar, usus kecil dan lapisan lemak omentum) ke luar abdomen yang di lapisi membrane nipis yang membentuk kangtung atau hernia sac. Ianya di kenali masyarakat umum sebagai angin pasang disebabkan bonjolon ini ternampak dan adakalanya tidak.

**Terdapat berbagai jenis hernia yang boleh menonjol di badan kita. Antaranya ialah;**

- **Hernia Inguinal**
- **Hernia Femoral**
- **Hernia Hirisan**
- **Hernia Spigelian**
- **Hernia Umbilical**

## HERNIA INGUINAL

Ianya berlaku di kelangkang kaki dan 75% masalah hernia di sebabkan oleh inguinal hernia.Golongan lelaki lebih kerap menghidapi masalah ini berbanding golongan wanita. Inguinal hernia ini terdiri daripada dua jenis iaitu inguinal hernia langsung (direct) dan inguinal hernia tidak langsung (indirect) Inguinal hernia langsung berlaku pada kawasan di mana dinding abdomen agak kurang tebal.

Ia biasanya tidak menonjol ke dalam skrotum. Hernia langsung ini lebih cenderung berlaku kepada mereka yang berada di peringkat pertengahan umur dan orang tua. Ini disebabkan dinding abdomen menjadi semakin lemah bila umur meningkat. Inguinal hernia tidak langsung ini berlaku akibat bonjolan terkeluar melalui jalan yang pernah dilalui oleh testis (buah pelir) semasa perkembangan di peringkat janin dahulu.

Kadangkala bonjolan ini terkeluar ke dalam kantung buah zakar. Biasanya hernia jenis ini berlaku pada usia yang muda.

## HERNIA HIRISAN (INCISIONAL HERNIA)

Hernia hirisan pula atau incisional hernia berlaku di sebabkan dari potongan di abdomen semasa pembedahan. Ia menyebabkan kawasan bekas hirisan ini menjadi lemah. Hernia hirisan boleh terjadi pada bahagian yang lemah ini. Ia boleh berlaku dalam 2%-10% selepas pembedahan abdomen. Pesakit pesakit ini seringkali mengalami masalah bonjolan yang besar di sekitar parut pembedahan.

Lazimnya pembedahan terpaksa di lakukan sekali lagi dimana lapisan abdomen di perketatkan dengan jarring (mesh) untuk mengelakkan hernia ini berulang. Kebiasaanya pembedahan ini sedikit sukar di lakukan akibat kesan pembedahan sebelumnya di mana kecederaan usus boleh belaku.

## HERNIA FEMORAL

Femoral canal atau saluran femoral adalah terusan di mana saluran darah arteri, vena dan saraf femoral keluar daripada bahagian abdomen ke bahagian peha. Biasanya saluran ini ketat dan padat, tetapi kadangkala ia menjadi besar untuk membolehkan kandungan abdomen menonjol ke dalam saluran tersebut. Hernia femoral menyebabkan bonjolan di bahagian bawah lipatan kelangkang, di kawasan tengah peha. Biasanya berlaku kepada wanita dan lebih berisiko dimana ia tidak boleh ditolak masuk memandangkan terowong femoral yang sempit dan sering kali terpaksa menjalani pembedahan untuk merawat masalah ini.






INGUINAL Hernia

## HERNIA SPIGELIAN

Hernia ini berpunca bila kandungan di dalam abdomen terkeluar di antara dua lapisan abdomen iaitu otot rektus (rectus abdominis) dan otot-otot lateral oblique. Biasanya Hernia ini memang jarang di dengar kerana kerap tidak berlaku.Namun hernia ini kebiasaanya berlaku kepada golongan lelaki yang berumur lebih 50 tahun.

Ianya berlaku kerana kelemahan di lapisan abdomen di sebabkan daripada pembedahan atau stres fizikal berlamaan pada abdomen. Ia berbeza daripada hernia hirisan dari segi lokasi dan sukar dikenalpasti.

## HERNIA TALI PUSAT (UMBILICAL)

Hernia ini adalah bonjolan yang berlaku di tali pusat.Ini berlaku di mana kandungan abdomen seperti usus atau lemak omentum menonjol keluar ke lapisan abdomen di tali pusat. Kebiasaanya hernia ini berlaku kepada kanak kanak tetapi boleh berlaku kepada golongan dewasa.

Hernia ini boleh memberi kesakitan dan jika pesakit muntah semasa bonjolan ini bermakna sudah ada "obstruction" di usus dan pembedahan perlu dilakukan. Henia tali pusat ini lebih ketara di golongan yang ada masalah obesiti.

## FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB HERNIA

Henia kebiasanya berlaku disebabkan oleh peningkatan tekanan di dalam ruang abdomen yang berlebihan yang boleh menyebabakan bonjolon keluar dari abdomen dan menyumbang kepada hernia. Antara faktorfaktornya ialah

- **Obesiti,**
- **Mengangkat objek berat atau akti viti angkat berat**
- **Batuk berpanjangan seperti penya kit paru paru kronik**
- **Meneran semasa buang air besar atau kecil**
- **Ada cecair di dalam ruang abdomen atau ascites**

## TANDA TANDA HERNIA

Simptom yang utama adalah bonjolan yang tiba tiba timbul di bahagian peha, inguinal atau di kesan parut pembedahan. Ianya akan timbul dan hilang sama sekali seperti angin pasang. Sesetengah bonjolan ini tidak akan hilang dan bila ini berlaku, pesakit akan mengadu kesakitan.

Bila kantung hernia tersebut mengandungi usus kecil atau besar, pesakit akan mengalami "intestinal obstruction" dan akan mengalami masalah kembung perut. Keadaan ini memaksa pesakit terpaksa menjalani pembedahan untuk mengelakkan usus terbocor.

Ada yang datang dengan gejala dan tanda-tanda yang teruk seperti bonjolan yang sakit (incarcerated). Kulit luar mungkin kelihatan merah kehitaman dan pesakit mungkin demam. Ini adalah akibat kandungan bonjolan seperti usus telah mengalami kekurangan bekalan darah akibat himpitan (jerutan) salur darah biasanya di lubang bukaan hernia. Ia dikenali sebagai angin pasang terbelit (strangulated hernia) dan memerlukan pembedahan serta merta untuk mengelakkan usus menjadi hitam atau ischaemia.

## RAWATAN

Rawatan untuk hernia adalah untuk mengelakkan faktor-faktor yang boleh meningkatkan tekanan di ruang abdomen. Ini terdiri daripada merawat sembelit dan juga masalah prostate yang membesar seperti benign prostatic hyperplasia(BPH).

Kedua-dua faktor ini boleh menyebabkan masalah hernia inguinal dan mesti dirawat sebelum pembedahan boleh dilakukan untuk hernia inguinal.

Faktor obesiti juga adalah pemyumbang untuk masalah hernia tali pusat dan hernia hirisan. Oleh itu pesakit pesakit di galakkan untuk mengurangkan berat badan sebanyak 10-20% sebelum dapat menjalani pembedahan dengan jayanya.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah hernia ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



Faiz Hasan

# Gasing: Perlu dijulang bukan dikenang

**APABILA** disebut permainan tradisional gasing ramai menyangka ia semakin hilang ditelan zaman bagaimanapun tidak disangkal lagi keunikan permainan tradisi berasal dari Melaka masih ligat pada paksinya di lantai bumi bersejarah ini.

Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN), Mohd Zaidi Ali berkata permainan yang dahulunya diperkenal dan dimainkan dalam kalangan pembesar negeri ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka mencapai revolusinya yang asalnya dicipta dari buah pinang muda atau buah berembang serta pelbagai lagi telah diolahkan pada ukiran batang kayu sejak zaman-berzaman.

Beliau yang pakar dalam permainan tradisonal itu berkata, permainan tersebut masih lagi aktif sehingga menempa nama Melaka dalam pelbagai pertandingan yang disertai oleh pelbagai persatuan di negara ini sejak bertahun dahulu.

Kehebatan Melaka, ujarnya sering menjadikan negeri bersejarah ini sering dinobatkan sebagai juara bahkan turut menempa nama dalam The Malaysia Book Of Records (MBOR) yang berjaya memusingkan uri gasing selama 24 jam pada sebuah acara dianjurkan beberapa tahun lalu.

"Setiap tahun 'Liga Silaturrahim' diadakan membabitkan penyertaan oleh setiap persatuan gasing di negara ini dan dek minat yang mendalam kami sanggup menyahut cabaran itu biarpun terpaksa menggunakan kutipan wang sendiri asalkan ia tidak terkubur di mata masyarakat.

"Pada setiap pertandingan Gasing Pangkah, ia telah diselaraskan piawaiannya sejak tahun 70-an dengan menetapkan beberapa ketetapan dengan berat maksimum 800 gram, ukur lilit sekitar 14 hingga 18 inci dengan ketinggian dari tiga hingga 4.5 inci,"katanya.

Mohd Zaidi berkata, seluruh negeri yang terlibat pada pertandingan yang dianjurkan saban tahun perlu mematuhi piawaian terbabit sebelum bertanding dan di Melaka hanya beberapa kawasan sahaja yang mempertahankan permainan ini iaitu Kandang, Sungai Rambai, Ramuan China Besar, Bukit Rambai, Tedong dan Felda Bukit Senggeh.



MOHD Zaidi menunjukkan piala yang diperolehinya dalam pelbagai kejohanan gasing sebelum ini.

### PERJUANGKAN PERMAINAN GASING KE SUKMA

Saban tahun, Mohd Zaidi memperjuangkan permainan tradisional itu agar dimasukkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) namun sehingga kini dia tidak menerima khabar gembira buat pewaris sukan tradisional itu.

Sedangkan beberapa kajian dan kertas kerja telah dilaksanakan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sehinggakan wujudnya gasing pangkah di alaf baharu dicipta semata memenuhi piawaian agar ia dimasukkan dalam acara SUKMA.



Menurutnya, gasing polimer telah diperkenalkan pada tahun 2013 dan telah mengikut piawaian yang ditetapkan telah diperjuangkan untuk dimartabatkan ke peringkat lebih tinggi namun hanya menemui jalan buntu.

"Perkara ini telah diperjuangkan dengan kajian terperinci dilaksanakan terhadap gasing pangkah sehinggakan menemui hasil kajian yang memenuhi piawaian agar ia dimasukkan dalam acara SUKMA, bagaimanapun tiada jawapan diterima, hanya senyap membisu," katanya.

### GUSAR WARISAN GASING AKAN HILANG

Arus kemodenan dunia tidak diakui memberi pelbagai kesan transformasi sehinggakan 'barang lama' semakin dilupakan dan hanya sekadar menjadi memori yang perlu dikenang.

Menurutnya, pelbagai permainan tradisional lain juga telah dilupakan generasi muda disebabkan penumpuan pada barangan berteknologi seperti gajet, menjadikan ia semakin dilupakan.

Bagi memartabatkan permainan berkenaan katanya, kerajaan perlu bertindak dengan mendedahkan perkara ini kepada generasi baharu dengan memberi memperkenalkan permainan gasing di bangku sekolah.

"Setiap kali pertandingan dianjurkan ia menerima sambutan ramai terutama kanak-kanak yang ingin datang melihat lebih dekat menunjukkan mereka berminat dengan gasing tetapi tidak didedahkan.

"Apabila diberi tunjuk ajar dan latihan, mereka begitu bersungguh dalam permainan ini dan ini menunjukkan generasi muda masih berminat dengan permainan ini bagaimanapun ia tidak didedahkan sepenuhnya menjadikan warisan ini semakin terkubur," jelasnya.





MOHD Zaidi

# Kontrak atlet Program Podium disambung

**ATLET** negara yang berada dalam Program Podium tidak perlu bimbang memandangkan kontrak mereka dalam program berkenaan akan terus disambung untuk menghadapi beberapa temasya sukan antarabangsa pada tahun ini dan 2022.

Pengarah Bahagian Atlet Majlis Sukan Negara (MSN) Jefri Ngadirin berkata kontrak atlet negara yang tamat pada Disember lalu akan disambung hingga 2022 sebagai persediaan menghadapi Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam selain Sukan Komanwel 2022 di Birmingham dan Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China.

Sukan SEA 2021 dijadual berlangsung dari 21 Nov hingga 2 Dis, Sukan Komanwel 2022 (28 Julai-8 Ogos) manakala Sukan Asia 2022 bakal diadakan dari 10 hingga 25 Sept.

"Semua kontrak mereka dalam Program Podium akan terus disambung. Kita minta mereka fokus kepada latihan masing-masing, namun kita juga sentiasa membuat penilaian semasa bagi memastikan mereka yang layak sahaja kekal dalam program berkenaan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jefri memaklumkan jumlah sebenar atlet yang berada dalam program berkenaan hanya akan dapat diketahui selepas MSN mengadakan mesyuarat jawatankuasa kerja bersama dengan kesemua persatuan sukan kebangsaan pada bulan depan.

Bernama difahamkan jumlah atlet normal yang berada dalam program berkenaan lebih 700 orang pada tahun lepas, dan jumlah itu tidak termasuk atlet para negara.

Program Podium adalah inisiatif Pelan Prestasi Tinggi Kementerian Belia dan Sukan bermula 2016, dalam merealisasikan pingat emas pertama Malaysia di Sukan Olimpik Tokyo 2020, selain muncul 10 pasukan terbaik di Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2018.

Pada awal pelaksanaannya, Program Podium diletakkan di bawah seliaan Institut Sukan Negara sebelum dipindahkan pengurusannya kepada MSN pada Oktober 2018.

- BERNAMA

# Kim Swee dilantik Pengarah Teknikal FAM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**BEKAS** pengendali Harimau Malaya, Datuk Ong Kim Swee diumum sebagai Pengarah Teknikal Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang baharu berkuat kuasa 1 Januari lepas.

Kim Swee, 50, diberi tugas menjawat jawatan tersebut bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan Peter de Roo.

FAM dalam satu kenyataan berkata, Kim Swee dianggap pilihan terbaik untuk menjawat jawatan berkenaan memandangkan pengalaman luasnya sebagai pemain dan jurulatih dalam pelbagai peringkat.

Untuk rekod, Kim Swee bukan lagi nama asing dalam arena bola sepak negara memandangkan anak jati Melaka itu sebelum ini pernah mencungkil ramai bakat-bakat muda negara selepas memulakan kariernya dalam bidang kejurulatihan.

Dia yang juga bekas pemain tengah Melaka, Sarawak dan Sabah pada era 1990-an, turut menjadi antara individu penting membantu skuad Bawah 23 tahun (B23) negara meraih pingat emas Sukan SEA 2011 di Jakarta, Indonesia, disusuli pingat perak Sukan SEA 2017 di laman sendiri.

Selain itu, dia juga turut mengemudi pasukan muda negara melakar sejarah mara ke suku akhir Kejuaraan B-23 Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2018 di China dan layak ke peringkat kalah mati Sukan Asia 2018 di Indonesia.

Beliau turut pernah dilantik sebagai pengendali sementara skuad kebangsaan sebanyak dua kali iaitu dari 3 Februari 2014 hingga 28 Jun 2014 selepas kontrak Datuk K Rajagobal sebagai ketua jurulatih kebangsaan tamat dan dari 5 September 2015 hingga 18 Januari 2016 selepas Dollah Salleh meletak jawatan sebagai ketua jurulatih kebangsaan.

Kim Swee kemudian akhirnya dilantik secara penuh sebagai ketua jurulatih kebangsaan dari 18 Januari 2016 hingga 25 Mac 2017 dan selepas itu, beliau diamanahkan pula untuk mengendalikan skuad B-22 negara bagi menghadapi Sukan SEA 2017.

Sebelum ini, dia turut dilantik memegang jawatan sebagai Penolong Pengarah Teknikal FAM merangkap Ketua Unit Belia FAM.




KIM Swee diumum sebagai Pengarah Teknikal FAM yang baharu berkuatkuasa 1 Januari lepas.

# Wanita tunjuk bakat di gelanggang boling

**SERAMAI** 88 peserta terdiri daripada wanita UMNO cawangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor menunjukkan bakat masing-masing dalam kejohanan boling wanita Piala Tok Man yang berlangsung di Melaka International Bowling Centre (MIBC), di sini baru-baru ini.

Kejohanan anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan itu diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan sesama ahli di setiap bahagian, di samping menggalakkan aktiviti sukan dan riadah.

Menariknya, kejohanan tersebut turut menampilkan wanita dari Dewan Muslimat Pas Pantai Kundor serta turut menjemput wakil media untuk bersama-sama menunjukkan taring dalam perlawanan boling.

Menurut Nor Azman, sebanyak 22 pasukan daripada 17 cawangan wanita bahagian berserta wakil jemputan bertanding dalam kejohanan yang berlangsung secara santai dan harmoni itu.

"Sebelum ini kita telah menganjurkan kejohanan sama membabitkan pemuda-pemuda Pantai Kundor dan akan datang kita akan menampilkan acara membabitkan Puteri," katanya.

Di akhir pertandingan menyaksikan Wanita Cawangan Bukit Darat Permai dinobat johan selepas mengumpul 866 mata daripada dua perlawanan.

Tempat kedua dan ketiga pula menjadi milik Wanita Cawangan Tanah Merah Jaya dan Tangga Batu Pekan.



# Sukan



**» KONTRAK**
**atlet Program Podium disambung**

Lihat muka 23



**» KIM SWEE**
**dilantik Pengarah Teknikal FAM**

Lihat muka 23



# MUFC diam-diam berisi



**Mohamad Fazrul Abdul Majid**
**FOTO: Facebook MUFC**

**WALAUPUN** persiapan musim ini kelihatan agak sepi dan tidak rancak seperti kelab-kelab lain, namun itu bukan bermakna Melaka United FC (MUFC) tidak serius menghadapi saingan Liga Super 2021.

Sebaliknya, pasukan yang terkenal dengan julukan skuad Hang Tuah itu masih berfungsi seperti biasa dengan 95 peratus pemain tempatan sudah dilengkapkan dan kini sedang dalam fasa menunggu kehadiran tiga pemain import yang baharu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Saiful Mat Sapri berkata pihaknya kini sudah mendapat lampu hijau untuk menerbangkan pemain import dari Brazil, Croatia dan Filipina ke bumi bersejarah, yang mana kesemua mereka dijangka akan mula menjalani latihan pada 20 Januari depan.

"Kita telah mendapat kelulusan daripada pihak imigresen untuk kemasukan pemain dari Brazil, Croatia dan Filipina ke Malaysia. Jadi mereka sudah melalui ujian calitan (swab test) di negara mereka dan apabila sampai ke Malaysia mereka akan dikuarantin selama 10 hari di suatu tempat.

"Selepas itu, barulah mereka akan menjalani latihan bersama pasukan yang kita jangka paling lewat pada 20 Januari ini sebagai persediaan menghadapi perlawanan pra musim," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas mengenai aksi pra musim, Saiful berkata, pihaknya telah menerima jemputan aksi persahabatan yang dianjurkan oleh juara Liga Super enam kali berturut-turut Johor Darul Ta'zim (JDT) pada awal bulan depan.

Perlawanan persahabatan itu, ujarnya bakal melibatkan lima buah pasukan iaitu JDT, JDT II, Terengganu FC dan Sri Pahang FC, selain MUFC sendiri.

"Perlawanan persahabatan ini bolehlah dianggap sebagai persiapan pra musim kita, yang mana melalui perlawanan inilah kita akan menguji kesebelasan yang ada, termasuklah melihat kemampuan pemain import kita," ujarnya.

Dalam pada itu, berhubung ura-ura mengaitkan MUFC bakal terjerumus ke liga divisyen tiga (Liga M3) berikutan kegagalan melengkapkan beberapa dokumen penswastaan, Saiful optimis perkara itu tidak akan terjadi.

Ini kerana ujarnya, dokumen-dokumen tersebut kini sudah 90 peratus siap dan hanya memerlukan satu ke dua hari sahaja lagi untuk dilengkapkan.

"Buat masa ini, tiada isu mengenai perkara itu. Kita hanya tinggal proses lengkapkan dokumen jadi tidak timbul kerisauan pasukan akan jatuh ke Liga M3," tegasnya.



**Wanita tunjuk bakat di gelanggang boling**

Lihat muka 23

Diterbitkan oleh Melaka Hari Ini Sdn. Bhd., (199701017821), Bangunan Rumah Media Melaka, Jalan Lingkaran MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka. Tel : 06 - 251 9314, 251 9315 Faks : 06 - 251 9316
Dicetak oleh Print Towers Sdn Bhd, (Dahulunya di kenali sebagai Berita Harian Sdn Bhd ), 198501008724 (141172-W), Loji Daerah- No 16, Jalan U8/88, Taman Perindustrian Bukit Jelutong ,40150 Shah Alam , Selangor.